# الشريعة

## للسنة الثانية

# (العبادات)

## فهرس


| | |
|---|---|
| ١. صلاة الجماعة | 1 |
| ٢. صلاة الجمعة | 10 |
| ٣. خطبة الجمعة | 14 |
| ٤. صلاة صاحب الأعذار | 22 |
| ٥. صلاة الخوف | 32 |
| ٦. صلاة الرواتب | 24 |
| ٧. صلاة تحية المسجد | 36 |
| ٨. الاعتكاف | 39 |
| ٩. صلاة التهجد | 44 |
| ١٠. صلاة الوتر | 49 |

Pelajaran 9

SOLAT BERJEMAAH

**Definisi Solat Berjemaah**

(الجماعة) dari sudut ***bahasa*** : sekumpulan manusia

Solat berjemaah dari sudut istilah ***Syarak***: menghubungkan solat imam dengan solat makmum

**Dalil disyariatkan solat berjemaah**

Firman Allah swt:
Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu

(Surat Al-Nisa ': 102)

Rasulullah saw bersabda:
Solat berjemaah lebih baik berbanding solat seorang diri sebanyak 27 darjat.

(hadis riwayat Bukhari)

** Nilai Murni
Sentiasa menjaga solat berjemaah

**Hukum solat berjemaah**

Solat berjemaah terdapat empat hukum:

1. **Fardu ain** :
   Bagi orang yang telah memenuhi syarat wajib Jumaat
2. **Fardu kifayah** :
   Pada solat lima waktu
3. **Sunat**
   Pada solat dua hari raya, dua solat gerhana, solat mohon hujan, solat Terawih dan witir di bulan Ramadan
4. **Harus**
   Seperti solat sunat rawatib, solat Dhuha dan solat Tasbih

الدرس التاسع

**صلاة الجماعة**

**تعريف صلاة الجماعة**

**الجماعة لغة** : الطائفة.

**صلاة الجماعة شرعا** : ربط صلاة المأموم بصلاة الإمام

**دليل مشروعية صلاة الجماعة**

**قال الله ﷻ:**

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ

(سورة النساء : ١٠٢)

قال الرسول ﷺ:

صلاة الجماعة تفضل صلاة الفذ بسبع وعشرين درجة. (رواه البخاري)

** القيمة

المحافظة على صلاة الجماعة

**حكم صلاة الجماعة**

صلاة الجماعة أحكام أربعة وهي :

١. **فرض عين** : لمن استكملت فيه شروط وجوب الجمعة

٢. **فرض كفاية** : في الصلوات الخمس

٣. **مستحبة** : في العيدين والكسوفين والاستسقاء والتراويح والوتر في رمضان

٤. **مباحة** : كما في الرواتب والضحى والتسبيح

**Beberapa keuzuran (yang menghalang daripada melakukan) solat berjemaah**

1. Hujan
2. Angin terlalu kuat pada waktu malam
3. Lumpur yang banyak
4. Terlalu panas
5. Terlalu sejuk
6. Amat lapar dan dahaga dan makanan atau minuman telah tersedia
7. Sakit

**Syarat sah solat berjemaah**

1. Imam dan makmum berhimpun di satu tempat.
2. Keadaan Imam adalah orang yang tidak perlu mengulangi solatnya.
3. Imam bukan seorang wanita atau kanak-kanak lelaki yang tidak mumaiyiz sedangkan makmum seorang lelaki
4. Imam itu bukan menjadi makmum kepada orang lain

**Syarat-syarat sah imam dan makmum (syarat sah mengikut imam)**

**** Syarat Imam**

1. **Islam** : tidak sah berimamkan orang kafir
2. **Berakal** : tidak sah solat di belakang orang gila, bodoh atau mabuk
3. **Lelaki** : tidak sah berimamkan wanita dan khuntha bagi orang lelaki
4. **Suci daripada dua hadas (kecil / besar) dan najis** : tidak sah berimamkan orang yang berhadas dan menanggung najis.

**بعض أعذار الجماعة**

١. المطر
٢. شدة الريح بالليل
٣. شدة الوحل
٤. شدة الحر
٥. شدة البرد
٦. شدة الجوع والعطش بحضرة مأكل أو مشروب
٧. المرض

**شروط صحة صلاة الجماعة**

١. اجتماع الإمام والمأموم في مكان واحد.
٢. أن يكون الإمام لا تلزمه إعادة الصلاة.
٣. أن لا يكون الإمام امرأة أو صبيا غير مميز والمأموم رجل
٤. أن لا يكون الإمام مأموما بغيره

**شروط الإمام والمأموم (شروط صحة الاقتداء)**

**** شروط الإمام**

١. **الإسلام** : فلا تصح إمامة الكافر
٢. **العقل** : فلا تصح الصلاة خلف مجنون أو معتوه أو سكران
٣. **الذكورة** : فلا تصح إمامة المرأة والخنثى للرجل
٤. **الطهارة من الحدثين والنجاسة** : فلا تصح إمامة المحدث أو من عليه نجاسة

5. **Baik bacaan dan rukun solat** : imam hendaklah baik bacaannya bagi rukun yang menjadikan solat itu sah. Tidak boleh orang yang baik bacaannya mengikut orang yang buta huruf.

6. **Seseorang itu bukan makmum**: Tidak sah solat mengikut makmum lain ketika dia sedang mengikut orang lain.

**Syarat Makmum (mengikut imam)**

1. Makmum tidak berada di hadapan imam dari segi kedudukannya
2. Makmum tidak syak tentang keadaan imam itu sama ada ianya menjadi imam atau makmum.
3. Lelaki tidak boleh mengikuti imam wanita
4. Mengetahui perpindahan/pergerakan Imam
5. Tidak menyakini batalnya Imam kerana berhadas atau perkara lain
6. Tidak ada pemisahan yang jauh antara imam dan makmum, iaitu tidak lebih daripada tiga ratus hasta.
7. Niat menjadi makmum.

**Keutamaan dalam memilih Imam**

* Sifat yang digalakkan ada pada imam

1. Menguasai ilmu fekah
2. Mahir dalam bacaan al Quran
3. Paling baik akhlaknya
4. Lebih warak
5. Lebih awal berhijrah
6. Lebih tua usianya

٥. **إحسان القراءة والأركان** : أي أن يحسن الإمام قراءة ما لا تصح الصلاة إلا به. فلا يصح اقتداء قارئ بأمي.

٦. **كونه غير مأموم** : فلا يصح الاقتداء بمأموم بغيره في حال قدوته.

**شروط المأموم (القدوة)**

١. أن لا يتقدم المأموم على الإمام في المكان

٢. أن لا يكون مشكوكا في كون الإمام إماما أو مأموما.

٣. أن لا يقتدي الرجل بالمرأة

٤. أن يعلم انتقالات الإمام

٥. أن لا يعتقد بطلان إمامة بحدث أو غيره

٦. أن لا يكون بين الإمام والمأموم فاصل مكاني كبير، حيث لا يزيد عن ثلاثمائة ذراع.

٧. أن ينوي مأموما.

**الأولوية في اختيار الإمام**

- **الصفات المستحبة للإمام**

١. الأفقه

٢. الأقرأ

٣. الأصلح

٤. الأورع

٥. الأقدم هجرة

٦. الأكبر سنا

* **Perbendaharaan kata**

(الأفقه) mahir dengan  ilmu fekah

(الأقرأ) mahir dalam ilmu Al-Quran

(الأصلح) sentiasa melakukan amal kebaikan

(الأورع) sentiasa menjauhi perkara haram

**Kedudukan imam dan makmum semasa solat**

1 - Jika imam adalah lelaki dan makmumnya lelaki atau perempuan.

Keadaan pertama:
Jika makmum seorang sahaja, maka dia perlu berdiri di sebelah kanan imam.

Keadaan kedua:
Jika makmum adalah dua lelaki atau lebih, mereka berdiri di belakang imam.

** info tambahan

Dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Seandainya manusia mengetahui (kebaikan) apa yang terdapat pada panggilan solat dan saf pertama lalu mereka tidak dapat meraihnya melainkan dengan mengundi tentulah mereka akan mengundinya. (hadis riwayat Bukhari)

2. Jika imam adalah lelaki atau perempuan dan makmunnya adalah perempuan
**Keadaan pertama**:
Sekiranya imam adalah lelaki dan makmumnya adalah perempuan maka hendaklah makmum itu berdiri di belakangnya.

* معاني الكلمات

**الأفقه** : أعلم بالفقه

**الأقرأ** : أعلم بعلم القرآن

**الأصلح** : أكثر ملازمة بالعمل البر

**الأورع** : أكثر تجنبا بالحرام

**مواضع الإمام والمأموم في الصلاة**

١. إن كان الإمام رجلا والمأموم من الرجال أو الصبيان.

الحالة الأولى:

إن كان المأموم منفردا، قام جانبه الأيمن.

الحالة الثاني :

إن كان المأموم رجلين فأكثر، قاموا خلف الإمام.

** المعلومات الإضافية

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي النِّدَاءِ وَالصَّفِّ الْأَوَّلِ ثُمَّ لَمْ يَجِدُوا إِلَّا أَنْ يَسْتَهِمُوا عَلَيْهِ لَاسْتَهَمُوا (رواه البخاري)

٢. إن كان الإمام رجلا أو امرأة والمأموم من النساء.

الحالة الأولى:

إن كان الإمام رجلا والمأموم امرأة قامت خلفه.

**Keadaan kedua**:
Jika imam adalah seorang perempuan dan makmumnya juga perempuan maka hendaklah makmum itu berdiri di sebelah kanannya.

**Keadaan ketiga**:
Jika imam adalah seorang lelaki dan makmumnya dua orang perempuan atau lebih, maka mereka hendaklah berada di belakangnya.

**Keadaan Keempat**:
Sekiranya imam adalah seorang perempuan dan makmumnya adalah dua orang perempuan atau lebih, maka dia hendaklah berdiri di antara mereka.

3. Jika jemaah itu bercampur, maka ianya hendaklah mengikut susunan berikut: Didahulukan lelaki, kemudian kanak-kanak lelaki, kemudian kanak-kanak perempuan, kemudian perempuan

**Muafik dan masbuk**

Soalan 1: Siapakah makmum *muafik* itu?
Jawapan:
Seseorang yang sempat bersama imam kadar masa sempat mambaca al Fatihah sebelum imam rukuk pada rakaat pertama

Soalan 2: Siapakah makmum *masbuk* itu?
jawapan:
Seseorang yang sempat bersama imam kadar masa yang tidak sempat membaca al Fatihah sebelum rukuknya imam pada rakaat pertama

**Keadaan makmum masbuk**

1. Sesiapa yang sempat bersama imam sedangkan imam dalam keadaan rukuk maka dia telah mendapat satu raka'at. Dia hendaklah bertakbiratul ihram yang wajib dalam keadaan berdiri dan kemudian bertakbir sunat untuk rukuk bersama imam, dan tidak wajib ke atasnya membaca al Fatihah.

الحالة الثاني :

إن كان الإمام امرأة والمأموم امرأة قامت جانبها الأيمن.

الحالة الثالثة :

إن كان الإمام رجلا والمأموم امرأتين فأكثر، قمنَ خلفه.

الحالة الرابعة :

إن كان الإمام امرأة والمأموم امرأتين فأكثر، قامت وسطهن.

٣. إن كانت الجماعة مختلطين فعلى الترتيب الآتي :
يقدم الرجال ثم الصبيان ثم الخناثى ثم الصبيات ثم النساء.

**الموافق والمسبوق**

س١ : من هو الموافق ؟

ج : من أدرك مع الإمام قدرا يسع الفاتحة قبل ركوعه في الركعة الأولى

س٢ : من هو المسبوق ؟

ج : من أدرك مع الإمام قدرا لا يسع الفاتحة قبل ركوعه في الركعة الأولى

**أحوال المسبوق**

١. من أدرك الإمامَ وهو راكع فقد أدرك ركعة، ووجبت عليه تكبيرة الإحرام وهو واقف ثم يكبر ندبا للركوع مع الإمام ولا تجب عليه قراءة الفاتحة.

Daripada Abu Hurairah ra bahawa Rasulullah saw bersabda: Barang siapa yang sempat rukuk bersama imam maka dia mendapat satu rakaat solatnya". (hadis riwayat Muslim)

2. Seseorang (makmum) yang membaca al-Fatihah dan telah ketinggalan rukuk dan I'tidal sedangkan imam turun untuk sujud maka batallah solatnya secara berjemaah dan wajiblah dia niat mufaraqah (berpisah daripada imam)

3. Seseorang (makmum) sempat mendapat salam pertama bersama imam maka dia mendapat solat berjemaah. Seterusnya makmum tersebut perlu menyempurnakan solatnya.

**Hikmah Solat berjemaah**

1. Mengatur kehidupan manusia
2. Ianya dianggap sebagai simbol dan lambang kekuatan Islam
3. Digandakan pahala/ganjaran daripada Allah swt
4. Menggalakkan agar berkenalan, saling nasihat menasihati dan berbincang di antara orang Islam
5. Ikatan kehidupan hamba dengan Pencipta
6. Sentiasa berhubung dengan Allah swt
7. Terlepas dari neraka dan sifat kemunafikan
8. Melembutkan hati yang sentiasa jauh di kalangan umat Islam

Daripada Anas r.a, Rasulullah saw bersabda: "Sesiapa yang solat (kerana Allah) selama 40 hari dengan berjemaah dan mendapat takbir yang pertama. Ditulis bagi orang itu dua pelepasan, pelepasan daripada neraka, dan pelepasan daripada sifat munafik

(hadis riwayat Tirmizi)

عن أبي هريرة ﷺ أن رسول الله ﷺ قال: من أدرك ركعة مع الإمام فقد أدرك الصلاة".

(رواه مسلم)

٢. من قرأ الفاتحة وفاته الركوع والاعتدال وهَوَى الإمام للسجود فقد بطلت صلاته في الجماعة ووجبت عليه المفارقة.

٣. من أدرك التسليمة الأولى مع الإمام يكن مدركا للجماعة، فعلى المقتدي إتمام الصلاة.

حكمة صلاة الجماعة

١. تنظيم الحياة
٢. اعتبارها رمزا وشعارا لقوة المسلمين
٣. مضاعفة الأجر من الله
٤. الحث على التعارف والتناصح والتشاور بين المسلمين
٥. ربط حياة العباد بالخالق
٦. دوام الاتصال مع الله
٧. براءة من النار والنفاق
٨. تأليف القلوب المتنافرة بين المسلمين

عن أنس ﷺ : قال رسول الله ﷺ : من صلى أربعين يوما في جماعة يدرك التكبيرة الأولى كتبت له براءتان : براءة من النار، وبراءة من النفاق" (رواه الترمذي)

**Isu yang berkaitan dengan solat jemaah**

**Cara memberi teguran kepada Imam**

1) Memulakan dengan membaca ayat (yang imam terlupa)
   Apabila imam terlupa pada bacaannya, tidak dapat menyebut dan terhenti bacaannya, maka makmum memulakan bacaan dan membacakan ayat tersebut kepada imam.

2) Mengucapkan tasbih
   a. Apabila imam terlupa satu rukun daripada rukun-rukun solat, maka makmum disunatkan bertasbih sebanyak tiga kali untuk memberitahu imam tentang perkara yang dia lupa agar diperbetulkan, jika tidak berbuat demikian maka makmum perlu niat mufaraqah (berpisah dari mengikuti imam) kerana batalnya solat imam tersebut.
   b. Apabila terdapat najis pada imam tanpa disedarinya, maka makmum bertasbih sebanyak tiga kali kemudian makmum yang berada di belakang imamnya mengantikan tempat imam dan. imam tersebut wajib keluar dari solat jemaah tersebut.
   c. sekiranya makmum mengetahui adanya najis pada imam, dia tidak memberi teguran (dengan bertasbih) kepadanya atau memberi teguran kepadanya tetapi dia tidak keluar dari solat. Maka makmum waib niat mufaraqah (berpisah dari mengikuti imam), jika tidak berbuat demikian, maka solatnya akan terbatal.

3) Tepuk tangan
   a. Apabila makmum adalah perempuan mereka bertepuk tangan dengan telapak tangan untuk memberitahu imam tentang kesilapannya sebelum ini selain daripadaa kesilapan bacaan. Makmum perempuan tidak boleh memulakan bacaan (untuk menegur imam yang terlupa bacaan), kecuali imamnya juga seorang perempuan.

**Tabligh[1] di belakang imam**

1. Sunat tabligh apabila makmum tidak mendengar takbiratul ihram, takbir perpindahan rukun dan salam pertama imam.

[1] Tabligh : menyambung suara takbir imam dalam shalat



**المسائل المتعلقة بصلاة الجماعة**

**كيفية تنبيه الإمام**

١. الافتتاح بالقراءة من الآية

إذا سها الإمام في القراءة فارتج عليه فوقف عن القراءة، استحب للمأموم أن يفتح عليه ويلقنه.

٢. التسبيح

أ) إذا سها الإمام في ركن من أركان الصلاة يستحب للمأموم أن يسبح ثلاث مرات ليعلم الإمام ما فاته ليسدده وإلا لزمت على المأموم المفارقة لبطلان صلاة الإمام.

ب) إذا حلّت النجاسة على الإمام دون وعيه، سبح المأموم ثلاث مرات فيقوم مقامه مأموم خلف إماما. ولزم على الإمام أن يخرج من الصلاة.

ج) فإن كان المأموم على علم بحلول النجاسة على الإمام ولم ينبهه أو نبهه ولم يخرج من الصلاة. لزمت على المأموم المفارقة، وإلا بطلت صلاته.

٣. التصفيق

أ) إذا كان المأموم من النساء صفقن ببطون أكفهن ليعلم الإمام أخطاءه السابقة سوى القراءة، فلا يجوز للنساء الافتتاح بالقراءة إلا إذا كان الإمام امرأة.

**التبليغ خلف الإمام**

١. يستحب التبليغ إذا لم يسمع المأموم من الإمام تكبيرة الإحرام وتكبيرة الانتقالات والتسليمة الأولى.

b. Tempat tabligh di belakang imam

- Takbiratul Ihram: dengan niat ihram untuk solat
- Takbir perpindahan rukun solat: dengan niat zikir
- tasmi'[2] ketika mengangkat kepala untuk I'tidal: dengan niat zikir
- memberi salam pertama : dengan niat tahlil (mengakhiri solat)
- memberi salam pertama : dengan niat zikir

٢. موضع التبليغ خلف الإمام

- تكبيرة الإحرام : بقصد الإحرام للصلاة
- تكبيرة الانتقالات : بقصد الذكر
- التسميع في رفع رأسه إلى الاعتدال : بقصد الذكر
- التسليمة الأولى : بقصد التحليل
- التسليمة الثانية : بقصد الذكر

**Menggantikan tempat Imam**

iaitu salah seorang di kalangan makmum menggantikan tempat imam untuk menyempurnakan solat berjemaah kerana keuzuran yang ada pada imam, seperti : apabila imam berhadas atau terpaksa berhenti solat kerana darurat.

**استخلاف الإمام**

هو استخلاف الإمام غيره من المأمومين لتكميل الصلاة بهم لعذر قام به، مثل : إذا أحدث الإمام أو اضطر إلى قطع الصلاة لضرورة ما

**Hukum Menggantikan tempat Imam pada solat Jumaat**

Ia adalah wajib pada rakaat pertama bagi solat Jumaat, manakala pada solat-solat yang lain adalah sunat bagi imam sebelum dia keluar dari solat.

**حكم الاستخلاف في صلاة الجمعة**

واجب في الركعة الأولى لصلاة الجمعة وأما في غيرها من الصلوات فمندوب على الإمام قبل انصرافه.

**Cara Menggantikan tempat Imam**

1. Imam memberi isyarat kepada orang yang akan menggantikannya
2. Imam keluar dan orang yang menggantikannya bergerak ke kedudukan imam dan bergerak sedikit ke tempat imam
3. Makmum menggantikan tempat Imam

**كيفية استخلاف الإمام**

١. يشير الإمام إلى من استنابه

٢. ينصرف الإمام ويتقدم من ينوبه إلى موضع الإمام ويتقدم قليلا إلى موضع الإمام

٣. ويحل المأموم محل الإمام

[2] Tasmi' : menyebut (سَمِعَ اللهُ لِمَن حَمِدَه)

**info tambahan

Rasulullah saw pergi mendamaikan antara Bani Amr ibn Auf dan Abu Bakar mendirikan solat bersama orang ramai lalu Nabi saw datang ketika sedang solat dilaksanakan, maka Abu Bakar berundur ke belakang dan baginda menjadi imam mengantikan tempat Abu Bakar tersebut.

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**Pelaksanaan amali solat berjemaah**

Lakukan praktikal solat yang anda pelajari melalui keadaan-keadaan berikut:

1. Berwuduk
2. Imam dan makmum masuk ke masjid
3. Menunggu makmum untuk solat
4. Makmum bersedia untuk solat berjemaah
5. Solat berjemaah dilaksanakan

**Maklumat penting

Beberapa perkara makruh ketika solat berjemaah

1. imam seorang fasik
2. Baris tidak lurus dan tidak penuh barisan sebelumnya
3. (pergerakan makmum) serentak dengan pergerakan Imam
4. Seorang diri dalam barisan

**info tambahan

Daripada Anas r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: luruskan barisan kerana sesungguhnya meluruskan barisan itu antara perkara yang menyempurnakan solat (berjemaah)".

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

** المعلومات الإضافية

أن رسول الله ﷺ ذهب ليصلح بين بني عمرو بن عوف وصلى أبو بكر بالناس فحضر النبي ﷺ وهو في أثناء الصلاة فاستأخر أبو بكر واستخلف ﷺ.

(رواه البخاري ومسلم)

**تطبيق عملية صلاة الجماعة**

طبق عملية الصلاة التي درستها من خلال الحالات الآتية:

١. الوضوء

٢. دخول المأموم والإمام إلى المسجد

٣. انتظار المأموم للصلاة

٤. المأموم مستعدون للصلاة الجماعة

٥. صلاة الجماعة

** معلومات تهمك

بعض مكروهات الجماعة

١. كون الإمام فاسقا

٢. اعوجاج الصف وعدم اكتمال ما قبله

٣. مقارنة أي مساواة أفعال الإمام

٤. الانفراد بنفسية في الصف

** المعلومات الإضافية

وعن أنس ﷺ قال: قال رسول الله ﷺ : سووا صفوفكم، فإن تسوية الصف من تمام الصلاة". (رواه البخاري ومسلم)

Pelajaran 17

## SOLAT JUMAAT

**Definisi Solat Jumaat**
Dinamakan Jumaat adalah kerana orang ramai berkumpul untuk melakukannya.

**Dalil disyariatkan solat Jumaat**

**Al Quran**:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)". (Surah Jumaat : 9)

**Hadis** :

Daripada Toriq bin Syihab r.a daripada nabi saw : "Jumaat adalah hak yang wajib atas setiap muslim dengan berjamaah melainkan empat golongan, iaitu hamba yang dimiliki, perempuan, kanak-kanak atau orang sakit ".
[Hadis riwayat Abu Daud]

** info tambahan
Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah saw bersabda : "Hari paling baik adalah hari Jumaat, pada hari itu nabi Adam a.s diciptakan, dan pada hari itu pula nabi Adam a.s dimasukkan ke dalam syurga, serta dikeluarkan dari syurga, hari kiamat akan terjadi pada hari jumaat ".
(Hadis riwayat. Al Hakim dalam kitab al mustadrak)

**Hukum solat Jumaat**

Hukumnya adalah fardu ain ke atas mereka yang memenuhi syarat-syaratnya.

** info penting
Abu Ja'di al Dimri r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda: "sesiapa yang meninggalkan tiga kali solat Jumaat kerana meringan-ringankannya, akan ditutup hatinya oleh Allah swt." (hadis riwayat Abu Daud)



الدرس العاشر

## صلاة الجمعة

**تعريف صلاة الجمعة**

**الجمعة** : سميت الجمعة لاجتماع الناس لها

**دليل مشروعية صلاة الجمعة**

**من الكتاب**:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (سورة الجمعة : ٩)

**من السنة**:

عن طارق بن شهاب ﷺ عن النبي ﷺ الجمعةُ حقٌ واجبٌ على كلِّ مسلمٍ في جماعةٍ إلا أربعةً : عبدٌ مملوكٌ ، أو امرأةٌ ، أو صبيٌّ ، أو مريضٌ (رواه أبو داود)

** المعلومات الإضافية

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ : سَيِّدُ الأَيَّامِ يَوْمُ الْجُمُعَةِ ، فِيهِ خُلِقَ آدَمُ ، وَفِيهِ أُدْخِلَ الْجَنَّةَ ، وَفِيهِ أُخْرِجَ مِنْهَا ، وَلاَ تَقُومُ السَّاعَةُ إِلاَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ.

(رواه الحاكم في المستدرك)

**حكم صلاة الجمعة**

حكمه فرض عين على من توفرت فيه الشروط.

** معلومات تهمك

روى أبو الجعد الضمري ﷺ أن رسول الله ﷺ قال: "من ترك ثلاث جمع تهاون بها، طبع الله على قلبه". (رواه أبو داود)

**Syarat wajib Solat Jumaat**

1. **Berakal** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas orang gila dan pengsan, berbeza dengan orang mabuk
2. **Kebebasan sepenuhnya (merdeka)** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas hamba kerana dia sibuk dengan tanggungjawab terhadap tuannya
3. **Sihat tubuh badan** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas orang sakit kerana kesukaran untuk hadir atau takut terlewat untuk berubat
4. **Islam** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas orang kafir kerana dia tidak dituntut untuk melakukan solat tersebut.
5. **Lelaki** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas perempuan dan khunsa (mempunyai dua jantina)
6. **Baligh (sampai usia dipertanggungjawabkan oleh syarak)** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak kerana dia belum dikenakan tanggungjawab syarak lagi
7. **Bermukim (orang yang menetap di tempat tersebut)** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas orang bermusafir kerana dia sibuk dengan urusan perjalanan.
8. **Tiada keuzuran syarak** : Solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas orang yang mempunyai keuzuran seperti takut berlaku kemudaratan terhadap diri, hartanya atau orang yang menguruskan pesakit yang tidak ada orang menjaganya

**Syarat sah solat Jumaat**

1. **Tempat** : tidak sah Jumaat kecuali di bandar-bandar atau kampung-kampung yang mempunyai bangunan penempatan.
2. **Bilangan** :bilangannya tidak kurang daripada 40 orang yang tinggal tetap di tempat tersebut bukan orang yang hanya bermukim (sementara) atau orang bermusafir. Sekiranya bilangannya kurang dari itu, maka tidak boleh dilakukan solat Jumaat.
3. **Masa**: Selepas matahari tergelincir dari waktu zohor (masuk waktu zohor) pada hari Jumaat
4. **Tidak berbilang-bilang solat Jumaat**: tidak boleh melakukan dua solat jumaat melainkan kerana jauh jarak sesuatu tempat dan sukar untuk orang ramai berkumpul di satu tempat
5. **Dua khutbah** : Solat Jumaat tidak sah kecuali dengan adanya dua khutbah

**شروط وجوب صلاة الجمعة**

١. **العقل** : فلا تجب على المجنون والمغمَى عليه بخلاف السكران

٢. **الحرية الكاملة** : فلا تجب على الرقيق لأنه مشغول بحق سيده

٣. **الصحة الجسمية** : فلا تجب على المريض لمشقة الحضور أو لخوف تأخر البرء

٤. **الاسلام** : فلا تجب على الكافر لأنه غير مطالب بها.

٥. **الذكور** : فلا تجب على النساء والخنثى

٦. **البلوغ** : فلا تجب على الصبي لأنه لم يكلف بعد

٧. **الإقامة** : فلا تجب على المسافر لأنه مشغول بالسفر

٨. **الخلو من العذر**: فلا تجب على صاحب العذر كالخوف على نفسه أو ماله أو مريض بلا متعهد

**شروط صحة صلاة الجمعة**

١. **المكان** : لا تصح الجمعة الا في الأمصار أو القرى ذوات خطة الأبنية.

٢. **العدد** : لا يقل العدد عن أربعين رجلا من مستوطني البلد لا مقيمين ولا مسافرين، فإن قل عددهم لا تنعقد الجمعة.

٣. **الوقت** : بعد زوال الشمس من وقت الظهر يوم الجمعة

٤. **عدم تعدد صلاة الجمعة**: لا تتعدّ إلا لبعد أطراف البلد وعسر اجتماع الناس في مكان واحد

٥. **الخطبتان** : فلا تصح الجمعة الا بالخطبتين

**Perbendaharaan kata**

(مستوطن) orang yang tinggal di suatu tempat dan menjadikannya tempat tinggalnya

(مقيم) orang yang menjadikan sesuatu tempat untuk menetap.

(مسافر) orang yang mengembara / berpergian dari satu tempat ke tempat yang lain

(لا تنعقت) tidak dikira

(أطراف) tempat berakhirnya setiap sesuatu (hujung/pinggir)

(عسر) Sukar

**Mustautin** : Orang yang menjadikan sesuatu tempat/negeri itu sebagai tempat tinggal dan menetap di sana

**Muqim** : Orang yang menetap di suatu tempat kemudian berpindah selepas berakhirnya tempoh masanya

**Musafir** : Orang yang mengembara dan berpindah dari satu tempat ke tempat lain kerana Sesuatu keperluan.

**Perkara sunat Hari Jumaat**

1. Mandi dan membersihkan diri
2. Memakai pakaian berwarna putih
3. Mengerat kuku
4. Memakai wangian
5. Datang awal ke masjid
6. Memperbanyakkan selawat ke atas nabi saw.
7. Membaca surah al Kahfi
8. Berkenalan dan mengeratkan persaudaraan
9. Memperbanyakkan doa
10. Solat Tahiyyatul masjid

**معاني الكلمات**

**مستوطن** : من سكن في مكان واتخذه وطنا.

**مقيم** : من اتخذ مكانا للإقامة فيه

**مسافر** : من يرحل من مكان الى مكان

**لا تنعقت** : لا تعتبر

**أطراف** : منتهى كل شيء

**عسر** : صعب

* **المستوطن**
* **المقيم**
* **المسافر**

**المستوطن** : من اتخذ البلد محلا وسكنا يقيم به

**المقيم** : من لبث بالمحل ثم انصرف بعد انتهاء الزمان

**المسافر** : الذي يرحل وينتقل من مكان الى آخر.

**سنن الجمعة**

١. الاغتسال والتنظيف

٢. لبس الثوب الأبيض

٣. تقليم الأظافر

٤. التطيب

٥. التبكير إلى المسجد

٦. الاكثار من الصلاة على رسول الله ﷺ

٧. قراءة سورة الكهف

٨. التعارف وتقوية الأخوة

٩. الإكثار من الدعاء

١٠. صلاة تحية المسجد

** info tambahan

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa nabi saw bersabda: “Sesiapa yang sempat rukuk rakaat terakhir pada hari jumaat, maka hendaklah dia menambah satu rakaat lagi (selepas imam memberi salam), dan jika ia hanya sempat selepas daripada itu maka luputlah daripadanya (solat jumaat), dan hendaklah ia menyempurnakanya empat rakaat zohor (selepas imam memberi salam).

(hadis riwayat al Daraqatni)

**Perkara Makruh hari Jumaat**

1. Melangkah leher orang (yang sedang duduk dalam masjid).
2. Menjual dan membeli selepas azan.
3. Mengetuk tangga mimbar dengan pedang dan seumpamanya bagi orang yang berkhutbah Jumaat
4. Memakai pakaian bukan berwarna putih bagi imam dan makmum.
5. Duduk bertinggung (duduk dengan cara menaikkan lutut ke atas)

** info penting
1. Perkataan ***Jum’at***, huru Mim berbaris hadapan, berbaris mati atau berbaris atas adalah solat yang berasingan, bukan solat zohor yang diringkaskan
2. Hari tersebut dinamakan sedemikian kerana perkara kebaikan dihimpunkan padanya. Pendapat lain mengatakan: kerana padanya dihimpunkan penciptaan nabi Adam a.s.

**Perkara yang merosakkan solat Jumaat**

1. Habisnya waktu solat zohor ketika solat jumaat sedang dilaksanakan
2. Solat Jumaat akan rosak dengan perkara yang merosakkan solat-solat yang lain.

**Hikmah sembahyang Jumaat**
1. Ia merupakan tempat pertemuan mingguan untuk umat Islam
2. Ia dianggap lambang dan syiar bagi umat Islam di bawah satu kepemimpinan.
3. Hari jumaat adalah masa diperkenankan doa

** Nilai Murni
Bersegera ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat

** المعلومات الإضافية

روى أبو هريرة ﷺ أن النبي ﷺ : من أدرك الركوع من الركعة الأخيرة يوم الجمعة، فليضف إليها أخرى ، ومن لم يدرك الركوع، فليصل ظهرا أربعا (رواه الدارقطني)

**مكروهات الجمعة**

١. تخطي رقاب الناس.

٢. البيع والشراء بعد الأذان.

٣. دق درج المنبر بالسيف وما أشبهه للخطباء.

٤. لبس غير الأبيض للامام والمأموم.

٥. الاحتباء وهو القُرفُصَاء

** المعلومات تهمك

١. الجمعة بضم الميم وإسكانها وفتحها هي صلاة مستقلة ليست ظهرا مقصورا.

٢. سمي هذا اليوم بذلك لما جمع فيه من الخير، وقيل: لأن فيه جمع خلق آدم.

**مفسدات الجمعة**

١. خروج وقت الظهر خلال الصلاة

٢. تفسد الجمعة ما تفسد به الصلوات الأخرى.

**حكمة صلاة الجمعة**

١. هي مؤتمر أسبوعي للمسلمين

٢. اعتبارها رمزا وشعارا للمسلمين تحت قيادة واحدة.

٣. وقت فيها يستجاب الدعاء

*** القيمة**

الإبكار إلى المسجد لصلاة الجمعة

Pelajaran 11

## KHUTBAH JUMAAT

Definisi khutbah Jumaat

**Khutbah Jumaat:** Dua khutbah yang disampai oleh Khatib dengan rukun dan syarat tertentu sebelum solat Jumaat selepas masuknya waktu zohor.

**Dalil pensyariatan khutbah Jumaat**

**Al Quran:**

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya),

(surah al Jumu'ah 9)

**Hadis** :

Ibnu Umar berkata: Rasulullah saw pernah memberi dua khutbah pada hari Jum'at dan duduk (sebentar) di antara keduanya.

(Hadis riwayat Bukhari)

**Perbendaharaan kata**

(قبيل) Sebelum

(ذروا) Mereka meninggalkan

(خير) lebih baik

الدرس الحادي عشر

## خطبة الجمعة

**تعريف خطبة الجمعة**

**خطبة الجمعة** : خطبتان يخطب الخطيب بأركان وشروط مخصوصة قبيل صلاة الجمعة بعد وقت الظهر.

**دليل مشروعية خطبة الجمعة**

**من الكتاب:**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (سورة الجمعة : ٩)

**من السنة:**

قال ابن عمر رضي الله عنه : كان رسول الله ﷺ يخطب يوم الجمعة خطبتين يجلس بينهما.

(رواه البخاري)

**معاني الكلمات**

**قبيل** : قبل

**ذروا** : تركوا

**خير** : أفضل

**Hukum khutbah Jumaat**

Ia adalah perkara wajib dan solat tidak sah kecuali dengannya.

**Syarat sah khutbah Jumaat**

1. Dilakukan dalam keadaan berdiri sekiranya mampu
2. Mendahulukan dua khutbah sebelum solat
3. Suci daripada hadas dan najis
4. Menutup aurat
5. Rukun dua dua khutbah itu hendaklah dalam bahasa Arab
6. Berturut-turut antara kedua-dua khutbah
7. Kedua-dua khutbah itu hendaklah didengar oleh 40 orang yang dikira Jumaatnya.
8. Kedua-dua khutbah itu dilakukan dalam waktu zohor

** Nilai Murni

Memberi perhatian kepada nasihat (yang disampaikan) ketika mendengar khutbah

**Khutbah Jumaat**

1. Memuji Allah di dalam kedua-dua khutbah, seperti : (Segala puji untuk Allah swt ….)
2. Selawat dan salam ke atas Rasulullah saw dalam kedua-dua khutbah, seperti (ya Allah, cucurilah rahmatmu ke atas junjungan kami nabi Muhammad …)
3. Memberi peringatan dengan ketaqwaan, seperti: (Takutlah kepada Allah, saya menasihati kamu dan diri saya dengan bertakwa kepada Allah ...)
4. Membaca satu ayat yang lengkap dari Al-Qur'an pada salah satu daripada dua khutbah. Paling baik ayat tersebut dibaca pada khutbah pertama.
5. Mendoakan orang beriman dalam khutbah kedua, seperti (Ya Allah ampunkanlah umat Islam dan orang-orang yang beriman…)

**حكم خطبة الجمعة**

هي واجبة ولا تصح الصلاة إلا بها.

**شروط صحة خطبة الجمعة**

١. القيام مع القدرة

٢. تقديم الخطبتين على الصلاة

٣. الطهارة من الحدث والنجس

٤. ستر العورة

٥. أن تكون أركان الخطبتين باللغة العربية

٦. الموالاة بين الخطبتين

٧. أن يسمع الخطبتين أربعون ممن تنعقد بهم الجمعة

٨. أن تكون الخطبتان في وقت الظهر

** القيمة

الاهتمام بالنصيحة عند استماع الخطبة

**أركان الخطبة الجمعة**

١. حمد الله فيهما كأن يقول: (الحمد لله ....)

٢. الصلاة والسلام على رسول الله ﷺ فيهما مثل (اللهم صل على سيدنا مُحَمَّد ...)

٣. الوصية بالتقوى كأن يقول الخطيب: (اتقوا الله، أوصيكم وإياي بتقوى الله ...)

٤. قراءة آية كاملة من القرآن في إحدى الخطبتين وأفضلها في الخطبة الأولى.

٥. الدعاء للمؤمنين في الخطبة الثانية مثل (اللهم اغفر للمسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات ...)

** info tambahan

Peristiwa sejarah yang berlaku pada hari Jumaat

1. Dihimpunkan penciptaan nabi Adam a.s
2. Nabi Adam a.s turun ke bumi
3. Peperangan Badar kubra
4. Peperangan Ain Jalut
5. Pembebasan Sinai
6. Pembukaan Andalusia

**Perkara sunat Khutbah Jumaat**

1. Imam memberi salam ketika memasuki masjid dan kepada orang yang duduk berdekatan dengan mimbar
2. Berkhutbah di atas mimbar dalam keadaan berdiri
3. Duduk di atas mimbar ketika azan dilaungkan sebelum memulakan khutbah
4. Memegang pedang, tongkat atau seumpamanya
5. Mengadap ke arah orang ramai
6. Meninggikan suara dengan bahasa yang fasih/petah dan ringkas khutbahnya
7. Duduk antara kedua-dua khutbah
8. Menutup khutbah dengan ucapan: (Dirikan solat).

** المعلومات الإضافية

الحوادث التاريخية في يوم الجمعة

١. جمع خلق آدم
٢. أهبط آدم إلى الأرض
٣. غزوة بدر الكبرى
٤. معركة عين جالوت
٥. تحرير سيناء
٦. فتح الأندلس

**سنن خطبة الجمعة**

١. أن يسلم الامام عند دخول المسجد وعلى من يقرب على المنبر
٢. الخطبة على المنبر قائما
٣. الجلوس عند الأذان على المنبر قبل الشروع في الخطبة
٤. الاعتماد على سيف أو عصا أو نحوهما
٥. الإقبال على الناس
٦. رفع الصوت الفصاحة والاقتصار في الخطبة
٧. الجلوس بين الخطبتين
٨. أن يختم الخطبة بقوله : أقم الصلاة.

**Isu berkaitan semasa khutbah**

**Bercakap**

- Apabila imam mula berkhutbah, disunatkan mendengar khutbah tersebut

Diriwayatkan dari Abu Hurairah ra bahawa Rasulullah saw bersabda: Apabila kamu berkata kepada temanmu pada hari Jumaat, "Dengarlah", sedangkan imam berkhutbah, maka sesungguhnya kamu telah lalai. (Bukhari)

**Tidur**

- Makruh tidur ketika mendengar khutbah
- Disunatkan bagi orang yang mengantuk agar berubah dari tempat duduknya ke tempat lain.

**info penting
Saya mendengar Rasulullah saw bersabda: Apabila seorang di antara kamu mengantuk pada hari Jumaat di tempat duduknya, maka hendaklah dia berpindah ke tempat lain. (hadis riwayat Imam Ahmad)

**Membeli dan menjual**

- Makruh jual beli selepas gelincir matahari (waktu zohor) dan sebelum imam naik ke mimbar
- Ia adalah haram selepas imam duduk di atas mimbar jika dia adalah salah seorang ahli Jumaat.

**Makan dan minum**

- makruh makan dan minum semasa khutbah

**Penggunaan peranti elektronik**

- Makruh menggunakan peranti elektronik ketika khutbah

**المسائل المتعلقة أثناء الخطبة**

**الكلام**

– إذا بداء الإمام بالخطبة فيستحب الإنصات لاستماعها

عن أبي هريرة ﷺ أن النبي ﷺ قال: إذا قلت لصاحبك يوم الجمعة: أنصت، والإمام يخطب فقد لغوت. (رواه البخاري)

**النوم**

– يكره النوم عند استماع الخطبة
– ويستحب لمن نعس أن يتحول من موضعه إلى الآخر.

** معلومات تهمك
سمعت رسول الله ﷺ يقول : إذا نعس أحدكم يوم الجمعة في مجلسه فليتحول إلى غيره. (رواه الإمام أحمد)

**البيع والشراء**

– ويكره البيع بعد الزوال وقبل الإمام على المنبر
– ويكون حراما بعد جلوس الإمام على المنبر إن كان من أهل فرض الجمعة.

**الأكل والشرب**

- يكره الأكل والشرب أثناء الخطبة

**استعمال الأجهزة الإلكترونية**

– يكره استخدام الأجهزة الإلكترونية أثنا الخطبة

**Langkau leher orang ramai (Jemaah)**

- Makruh melangkau leher orang ramai

**Solat sunat**

- Makruh solat sunat apabila imam duduk di atas mimbar. Solat Tahiyyatul masjid adalah sunat ditunaikan dua rakaat secara ringkas. Tetapi apabila imam telah berada di akhir khutbahnya, maka makruh berbuat demikian.

**Bersedekah semasa khutbah disampaikan**

- Tidak boleh bersedekah sewaktu khutbah disampaikan kerana ia membawa kepada lalai.

**Pelaksanaan amali khutbah Jumaat**

Amali **khutbah Jumaat** boleh dilakukan melalui langkah-langkah berikut:

**Langkah pertama**

- Muazin melaungkan azan menandakan memasuknya waktu Zohor.

**Langkah kedua**

- Para jemaah solat Jumaat masuk ke masjid dan melakukan solat Tahiyyatul masjid dan kemudiannya solat qabliyah Jumaat

**Langkah Ketiga**

- Khatib memegang tongkat, pedang, tombak atau seumpamanya kemudian naik ke mimbar dan memberikan salam kepada jemaah dan seterusnya duduk.

**تخطي رقاب الناس**

– يكره تخطي رقاب الناس

**صلاة النافلة**

– تكره صلاة النافلة إذا جلس الإمام على المنبر. أما تحية المسجد، فيستحب له أداؤها بركعتين خفيفتين. ولكن إذا دخل الإمام آخر الخطبة، فيكره له ذلك.

**التصدق وقت الخطبة**

– لا يجوز التصدق وقت الخطبة لأنه مفض إلى اللغو.

**تطبيق عملية خطبة الجمعة**

يمكن أن تقام عملية الخطبة من خلال الخطوات التالية:

**الخطوة الأولى**

– المؤذن يؤذن لدخول وقت الظهر.

**الخطوة الثانية**

– جماعة الجمعة يدخلون المسجد ويصلون التحية المسجد ثم قبلية الجمعة

**الخطوة الثالثة**

– الخطيب يأخذ بالعصا أو نحوها كالسيف والرماح ثم يصعد المنبر ويلقي السلام على الجماعة ثم يقعد.

**Langkah keempat**

- Muazin melaungkan azan sekali lagi selepas yakin bilangan Jemaah telah cukup iaitu 40 orang yang sah solat Jumaat.

**Langkah Kelima**

- Khatib mula menyampaikan khutbah pertama dengan memelihara segala rukun, syarat dan perkara sunat. kemudian duduk sebentar setelah selesai khutbah pertama dan ia adalah  waktu doa diterima. Para Jemaah perlu berdoa

**Langkah Keenam**

- Selepas duduk sebentar itu, khatib mula menyampaikan khutbah kedua, dengan memelihara rukun, syarat dan perkara sunat sehingga khutbah berakhir dengan doa untuk umat Islam dan mohon keampunan. Seterusnya menyuruh agar mendirikan solat Jumaat.

**Hikmah pensyariatan khutbah Jumaat**

1. Peluang untuk menasihati dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran
2. Ruang untuk menyampaikan maklumat dari pihak kerajaan dan lain-lain yang memberi manfaat kepada umat Islam
3. Peluang untuk ingat-mengingati umat Islam tentang taqwa kepada Allah dan mengajar tentang hukum hakam agama

**الخطوة الرابعة**

- المؤذن يؤذن مرة ثانية بعد تيقنه من اكتمال عدد الجماعة وهو أربعون ممن تنعقد بهم الجمعة.

**الخطوة الخامسة**

- الخطيب يبدأ في إلقاء الخطبة الأولى مراعيا الأركان والشروط والسنن ثم يجلس زمنا يسيرا بعد الانتهاء منها، وهو وقت مستجاب للدعوات وينبغي على الجماعة الدعاء.

**الخطوة السادسة**

- ثم يشرع الخطيب عقب الجلوس بالخطبة الثانية مراعيا الأركان والشروط والسنن إلى أن تنتهي الخطبة بالدعاء للمسلمين والاستغفار والأمر بإقامة الصلاة.

**حكمة مشروعية خطبة الجمعة**

١. فرصة للتناصح والتواصي بالحق والصبر
٢. مجال ايصال المعلومات من قبل الجهات الحكومية وغيرها بما النفع للمسلمين
٣. فرصة لتذكير المسلمين بتقوى الله وتعليم أحكام الدين

**Khutbah Jumaat yang dicadangkan**

**Khutbah pertama**

Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya, memohon pertolongan-Nya, mendapat petunjukNya, bersyukur kepadaNya dan memohon perlindungan dengan Allah dari kejahatan diri kami dan kejahatan perbuatan kami. Orang yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tidak ada yang akan menyesatkannya dan orang disesatkan oleh Allah maka tidak ada yang boleh memberi petunjuk padaNya. Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah yang Esa dan tiada sekutu bagiNya. Aku bersaksi bahawa penghulu dan kekasih kita nabi Muhammad adalah hamba Allah dan Rasul-Nya, Ya Allah berkati dan sejahterakanlah junjungan kami nabi Muhammad, keluarganya dan sahabatnya. seterusnya, wahai hamba-hamba Allah! Saya berpesan kepada kamu dan diri saya sendiri dengan bertakwa kepada Allah swt. Sesungguhnya takwa adalah amat berguna pada hari yang tidak berfaedah kekayaan dan juga anak-anak kecuali mereka yang datang kepada Allah swt dengan hati yang sejahtera.

Saudara seiman, Allah swt berfirman:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).﴿23﴾

Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil" .﴿24﴾

(Surat Al-Isra: 23-24)

**خطبة الجمعة المقترحة**

**الخطبة الأولى :**

الركن الأول

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستهديه ونشكره ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن سيدنا وحبيبنا مُحَمَّدًا عبدُ الله ورسوله، اللهم صل وسلم

الركن الثاني

على سيدنا مُحَمَّد وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد، يا عباد الله!

الركن الثالث

فإني أوصيكم ونفسي بتقوى الله فالتقوى هي التي تنفع يوم لا ينفع مال ولا بنون إلا من أتى الله بقلب سليم.

إخوة الإيمان، يقول الله تعالى:

الركن الرابع

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓاْ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۚ إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَٱخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحْمَةِ وَقُل رَّبِّ ٱرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِى صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

(سورة الإسراء : ٢٣ – ٢٤)

**Khutbah Kedua**

Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya, memohon pertolongan-Nya, mendapat petunjukNya, bersyukur kepadaNya dan memohon perlindungan dengan Allah dari kejahatan diri kami dan kejahatan perbuatan kami. Orang yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tidak ada yang akan menyesatkannya dan orang disesatkan oleh Allah maka tidak ada yang boleh memberi petunjuk padaNya. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi kita Muhammad Ibn Abdullah, keluarga dan sahabat serta pengikutnya.

Seterusnya, wahai hamba-hamba Allah! bertakwalah kepada Allah, saya berpesan kepada anda semua dan diri saya dengan bertaqwa kepada Allah swt. Sesungguhnya telah berjaya orang-orang yang bertakwa. Ketahuilah sesungguhnya Allah memerintahkan kamu dengan suatu perintah yang besar, firman Allahswt ﴿Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya﴾. Ya Allah berkati dan sejahterakanlah junjungan kami nabi Muhammad, keluarganya dan sahabatnya.

Ya Allah, ampunilah orang yang beriman, lelaki dan perempuan, hidup dan mati. Ya Allah berikanlah kami di dunia ini kebaikan dan di akhirat juga kebaikan. Peliharalah kami dari azab api neraka. Wahai hamba-hamba Allah, sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat baik, membantu kaum kerabat, melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan penindasan, memberi nasihat kepada kamu semoga kamu mendapat peringatan. Ingat Allah yang maha agong mengingatkan kamu, dan bersyukurlah kepadaNya nescaya kamu akan ditambahkan nikmatNya, meminta keampunan nescaya diampunkan kamu, dan bertakwalah kepada-Nya nescaya Allah menjadikan jalan keluar untuk kamu. Dirikanlah sembahyang ....

**الخطبة الثانية**

الركن الأول

إن **الحمد لله** نحمده ونستعينه ونستهديه ونشكره ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له، **والصلاة والسلام على سيدنا محمد** ابن عبد الله وعلى آله وصحبه ومن والاه.

الركن الثاني

الركن الثالث

أما بعد، يا عباد الله! **اتقوا الله، أوصيكم وإياي بتقوى الله** فقد فاز المتقون. واعلموا ﴿ أن الله أمركم بأمر عظيم فقال إن الله وملائكته يصلون على النبي يا أيها الذين آمنوا صلوا عليه وسلموا تسليما ﴾.

اللهم صل وسلم وبارك على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

الركن الرابع

**اللهم اغفر للمؤمنين والمؤمنات** الأحياء منهم والأموات، ربنا ءاتنا في الدنيا حسنة وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب النار، عباد الله إن الله يأمر بالعدل والإحسان وإيتاء ذي القربى وينهى عن الفحشاء والمنكر والبغي، يعظكم لعلكم تذكرون. اذكروا الله العظيم يذكركم، واشكروه يزدكم، واستغفروه يغفرلكم، واتقوه يجعل لكم من أمركم مخرجا، أقيموا الصلاة.

## SOLAT ORANG YANG MEMPUNYAI KEUZURAN

**Definisi solat orang yang mempunyai keuzuran**

Keuzuran dari sudut **bahasa** : Halangan

Dari sudut **istilah** syarak : Sebab yang diterima untuk tidak solat berjemaah atau solat Jumaat, sama ada disebabkan keuzuran umum atau khas

Bab ini memfokuskan tentang keuzuran (kemudahan/kelonggaran) dalam solat ketika sakit

**Keuzuran ada dua jenis**

**Keuzuran khas**

1. Sakit , termasuklah menahan kencing atau berak
2. Terlalu Lapar dan dahaga
3. Takut berlaku kemudharatan kepada diri, harta atau persediaan untuk musafir.
4. Makan sesuatu yang berbau busuk jika tidak dapat membuangnya
5. Terlalu mengantuk / tidak dapat menahan tidur
6. Menyelamatkan nyawa dari kematian

**Keuzuran umum**

**Keuzuran yang dihadapi oleh orang ramai**

1. Hujan, lumpur dan angin kencang (rebut)
2. Banjir
3. Terlalu sejuk
4. Angin panas yang menyakitkan, gempa bumi dan perkara seumpamanya.

الدرس الثاني عشر

## صلاة صاحب الأعذار

تعريف صاحب الأعذار

**الأعذار لغة** : الموانع.

**شرعا** : العلل المقبولة شرعا للتخلُّف عن صلاة الجماعة أو الجمعة، إما بسبب الأعذار العامة أو الخاصة.

* هذا الباب يتركّز على أعذار في الصلاة عند المرض

**الأعذار**

**الأعذار الخاصة**

١) المرض فتشتمل مدافعة البول أو الغائط.

٢) الجوع والعطش الشديدين.

٣) الخوف من الضرر لنفسه أو ماله أو التأهُّب للسفر.

٤) أكل ذي ريح كريه إن لم يمكنه إزالته.

٥) غلبة النوم والنعاس الشديد.

٦) إنقاذ الأحياء من الموت.

**الأعذار العامة**

وهي تصيب عامة الناس:

١) المطر والوحل والريح الشديدة.

٢) الفيضان.

٣) البرد الشديد.

٤) الريح السموم الحارة والزلزلة وما أشبه ذلك.

**Dalil Disyariatkan Solat Orang Yang Mempunyai Keuzuran**

**Al Quran :**

“Dia (Allah swt) telah memilih kamu dan Dia tidak sekali-kali menjadikan untuk kamu dalam agama itu suatu kesempitan” (Surah al Haj : 78)

**Hadis** :

Daripada Nafi' berkata : Ibnu 'Umar pernah melaung azan pada malam yang dingin di bukit Dajnan. Kemudian dia berkata: Solatlah di tempat tinggal kamu! Lalu dia memberitahu kami bahawa Rasulullah saw pernah menyuruh seorang muazzin untuk mengumandangkan azan, kemudian baginda bersabda setelah selesainya azan : “Hendaklah kamu solat di tempat tinggal kamu pada malam yang dingin, atau saat turun hujan dalam perjalanan. (hadis riwayat Bukhari)

Ibnu Abbas r.a meriwayatkan dalam hadis tarhib (menjauhkan daripada maksiat) bahawa nabi saw bersabda: “Barang siapa yang mendengar azan, kemudian ia tidak memenuhinya. Maka tidak ada solat (yang sempurna) baginya, kecuali seorang yang memiliki keuzuran.” (Hadis riwayat Ibnu Majah)

**Hukum Solat Orang Yang Mempunyai Keuzuran**

Setiap mukallaf wajib menunaikan solat lima waktu dan solat jumaat, tetapi orang yang mempunyai keuzuran dibolehkan untuk tidak menghadiri solat berjemah dan solat jumaat.

**Syarat Sah Solat Orang Yang Mempunyai Keuzuran**

1. Masuk waktu solat
2. Menutup aurat sekadar termampu
3. Suci dari hadas kecil atau besar
4. Suci dari najis di badan, pakaian, tempat solat sekadar termampu
5. Mengadap kiblat



**دليل مشروعية صلاة صاحب الأعذار**

من الكتاب :

هُوَ ٱجۡتَبَىٰكُمۡ وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖۚ (سورة الحج : ٧٨)

من السنة :

عَنْ نَافِعٌ قَالَ : أَذَّنَ ابْنُ عُمَرَ فِي لَيْلَةٍ بَارِدَةٍ بِضَجْنَانَ، ثُمَّ قَالَ : صَلُّوا فِي رِحَالِكُمْ، فَأَخْبَرَنَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَانَ يَأْمُرُ مُؤَذِّنًا يُؤَذِّنُ، ثُمَّ يَقُولُ عَلَى إِثْرِهِ "أَلَا صَلُّوا فِي الرِّحَالِ"، فِي اللَّيْلَةِ الْبَارِدَةِ أَوْ الْمَطِيرَةِ فِي السَّفَر. [رواه البخاري]

رواه ابن عباس رضي الله عنه في حديث الترهيب أن النبي ﷺ قال : من سمع النداء فلم يأته فلا صلاة له (أي كاملة) إلا من عذر. [رواه ابن ماجه]

**حكم صلاة صاحب الأعذار**

يجب على كل المكلفين أداء الصلوات الخمس والجمعة ولكن يجوز لصاحب الأعذار التخلف عن الجماعة والجمعة.

**شروط صحة صلاة صاحب الأعذار**

١) دخول وقت الصلاة.
٢) ستر العورة قدر الإمكان.
٣) الطهارة من الحدث الأصغر والأكبر.
٤) الطهارة من النجس في البدن زالثوب والمكان قدر الإمكان.
٥) استقبال القبلة.

**Solat Ketika Sakit**

1. **Keadaan pertama**: Sekiranya mampu untuk berdiri dengan berpegang pada tongkat atau bersandar pada dinding, maka wajib dia berdiri.

2. **Keadaan kedua** : Orang sakit boleh solat dalam keadaan duduk

   Rasulullah saw bersabda kepada Imran bin Husain : "Solatlah secara berdiri, jika kamu tidak mampu maka solat secara duduk, dan jika tidak mampu juga maka solatlah secara berbaring (mengiring)". (Hadis riwayat Bukhari)

   Pendapat yang paling sahih, solat secara duduk dalam keadaan iftirasy dan duduk tawaruk[3] di akhir solat. Sekurang-kurang had ruku' bagi orang solat secara duduk ialah membongkokkan kadar menyamai dahinya dengan lututnya yang berada di lantai. Rukuk yang sempurna ialah membongkokkan kadar menyamai dahinya dengan tempat sujud.

3. **Keadaan ketiga** : Orang yang mempu berdiri dan tidak boleh rukuk dan sujud, maka tidak gugur rukun berdiri baginya bahkan dia solat secara berdiri dan memberi isyarat rukuk kemudian duduk dan memberi isyarat sujud.

4. **Keadaan keempat** : jika tidak mampu solat secara duduk, maka solatlah secara berbaring di lambung kanan dengan mukanya mengadap kiblat. Juga sah berbaring di lambung kiri jika tidak mampu berbuat demikian.

5. **Keadaan kelima** : boleh solat secara telentang kerana darurat.

6. Keadaan keenam : Orang yang tidak mampu memberi isyarat dengan kepalanya, maka bolehlah memberi isyarat dengan matanya dan niat di dalam hatinya.

[3] **Duduk iftirasy** : menduduk di atas telapak kaki kiri, dan telapak kaki kanan ditegakkan **dan** jari-jarinya menghadap kiblat
**Duduk tawarruk** : menegakkan telapak kaki kanan **dan** menghulurkan kaki kiri di bawah kaki kanan

**الصلاة عند المرض**

١) **الحالة الأولى**: وإن قدر على القيام بأن يتكئ على عصا أو يستند إلى حائط، لزمه القيام.

٢) **الحالة الثانية** : يجوز للمرض أن يصلي قاعدا.

قال الرسول (ص) لعمران بن حصين: (صل قائما. فإن لم تستطع، فقاعدا. فإن لم تستطع، فعلى جنب) (رواه البخاري)

والأصح أن يقعد مفترشا ويتورك في آخر الصلاة. وأقل الركوع للقاعد أن ينحنى قدر ما يحاذي به جبهته ما وراء ركبتيه من الأرض. وأكمله أن ينحنى بحيث يحاذي جبهته موضع السجود. وأما سجوده، كسجود القائم.

٣) **الحالة الثالثة** : من استطاع القيام وعجز عن الركوع والسجود، لم يسقط عنه القيام، بل يصلي قائما ويومئ بالركوع ثم يجلس فيومئ بالسجود.

٤) **الحالة الرابعة** : فإن لم يقدر على الصلاة قاعدا، صلى على جنبه الأيمن مستقبلا للقبلة بوجهه. وصح أيضا أن يضطجع على يساره إن عجز لك.

٥) الحالة الخامسة : ويجوز له أن يصلي للصلاة مستلقيا للضرورة كما يجوز.

٦) الحالة السادسة : ومن لم يقدر على الإيماء برأسه، أومأ بطرفه ونوى بقلبه.

**Penjelasan Masalah Solat Ketika Sakit**

1. Wajib berdiri bagi orang yang solat itu ketika mampu berdiri.

    a. Jika tidak mampu berdiri, solatlah secara duduk
    b. Jika tidak mampu duduk, solatlah secarang berbaring
    c. Jika tidak mampu berbaring, solatlah secara mengiring di lambung kanan
    d. Jika tidak mampu, solatlah secara telentang
    e. Jika tidak mampu, solatlah dengan isyarat mata

2. Sekiranya seseorang itu mulakan solat secara berdiri kemudian tidak mampu meneruskan solat secara berdiri, maka bolehlah solat secara duduk.

3. Sekiranya seseorang itu mampu berdiri pada rakaat kedua maka wajib dia solat secara berdiri.

4. Sekiranya seseorang itu mulakan solat secara duduk kemudian mampu solat secara berdiri, maka dia wajib solat secara berdiri sehingga menyempurnakan solatnya mengikut kemampuannya.

**توضيح المسائل الصلاة عند المرض**

١. يجب القيام على المصلي عند القدرة.

أ) وإن عجز عنه، صلى قاعدا.

ب) فإن لم يستطع، صلى مضطجعا.

ج) فإن لم يستطع، صلى على جنبه الأيمن.

د) فإن لم يستطع، صلى مستلقيا.

هـ) فإن لم يستطع، فعليه بإشارة العين.

٢. وإن كان المصلي افتتح الصلاة قائما ثم عجز عنه صلى قاعدا.

٣. وإن قدر على القيام في الركعة الثانية، لزمه ذلك.

٤. وإن كان المصلي افتتح الصلاة قاعدا ثم قدر على القيام، لزمه ذلك حتى أتم صلاته بما قدر عليه.

**Mendirikan Solat Kerana Menghormati Waktu Solat**

Orang yang tidak dapat mengangkat hadas kerana tiada air dan tanah, tetap tidak gugur kewajipan solat.

Orang yang tidak dapat solat seperti biasa (dengan berwuduk atau bertayamum), maka dia wajib solat sebagai menghormati waktu solat dan perlu mengkada'nya apabila menemui air atau tanah.

**Contoh**:
Orang yang tiada dua alat bersuci (air dan tanah) seperti orang tahanan, lumpuh , disalib, atau solat di atas kenderaan bagi orang yang keselamatan dirinya, keluarganya atau belaku keburukan jika dia turun dari kenderaan tersebut.

**إقامة الصلاة لحرمة الوقت**

من تعذر من رفع الحدث لفقد الماء والتراب، لم تسقط عنه فرضية الصلاة.

يجب على من تعذر عن الصلاة، فعليه أن يصلي احتراما للوقت. وعليه القضاء إذا وجد الماء أو التراب.

**المثال** : فاقد الطهورين كالمحبوس أو المشلول أو المصلوب أو الصلاة على الراحلة لمن خاف على نفسه أو أهله أو الضرر إذا نزل منها.

**Pelaksanaan Amali Solat Ketika Sakit**

1. Panduan/cara solat secara duduk bagi orang yang tidak mampu berdiri

   a. Mengadap kiblat, kemudian memulakan solat dengan niat beserta takbiratul ihram
   b. Membaca surah al Fatihah
   c. Rukuk dengan merendahkan/membongkokkan sedikit bahagian belakang dan kepalanya. Keadaan sujudnya lebih rendah daripada rukuk
   d. Mengangkat kepala untuk I'tidal sehingga tegak belakangnya
   e. Kemudian sujud dua kali dan dipisahkan di antara kedua-dua sujud itu dengan duduk seperti duduk tasyahud
   f. Menyambung rakaat lain yang berbaki sehingga sempurna solatnya dengan memberi salam yang pertama.

2. Panduan/cara solat secara mengiring

   a. Berbaring mengiring sebelah rusuk kanan mengadap kiblat dengan mukanya, kemudian memulakan solat dengan niat beserta takbiratul ihram
   b. Membaca surah al Fatihah
   c. Takbir untuk rukuk dengan merendahkan kepalanya mengikut kemampuannya.
   d. Takbir dan Mengangkat kepala untuk I'tidal
   e. Takbir untuk sujud dan menundukkan kepalanya lebih rendah daripada ketika rukuk
   f. Takbir dan Mengangkat kepala sebagai isyarat untuk duduk antara dua sujud.

Takbir untuk sujud kedua sebagai takbir pada sujud pertama.

Menyambung baki rakaat lain sehingga sempurna solatnya dengan memberi salam pertama.

**تطبيق عملية الصلاة عند المرض**

١) حالة الصلاة قعودا للعاجز عن القيام

أ) استقبال القبلة ثم يفتتح بالنية وتكبيرة الإحرام.

ب) قراءة الفاتحة.

ج) الركوع بانحناء ظهره ورأسه قليلا، ويكون سجوده أخفض من الركوع.

د) رفع رأسه للاعتدال حتى يستقيم ظهره.

هـ) ثم يسجد سجدتين ويفصل بينهما بجلوس حتى يقعد للتشهد.

و) مواصلة ما بقي من الركعات حتى أتم صلاته بالتسليمة الأولى.

٢) الصلاة مضطجعا

أ) الاضطجاع على جنبه الأيمن مستقبلا للقبلة بوجهه. ثم يفتتح صلاته بالنية وتكبيرة الإحرام.

ب) قراءة الفاتحة.

ج) تكبير للركوع وانحناء برأسه على قدر الإمكان.

د) تكبير ورفع رأسه للاعتدال.

هـ) تكبير للسجود ويكون انحناؤه برأسه أكثر مما كان في الركوع.

و) تكبير ورفع رأسه إشارة للجلوس بين سجدتين.

- تكبير للسجدة الثانية كما كانت في الأولى.
- مواصلة ما بقي من الركعات حتى يتم صلاته بالتسليمة الأولى.

3. Panduan/cara solat secara berbaring telentang

a. Letakkn bantal di bawah kepala dan mengangkat kepalanya sedikit. Kedua kakinya lurus mengadap kiblat sekadar mampu.
b. Kemudian takbiratul ihram
c. Membaca surah al Fatihah
d. Kemudian takbir untuk rukuk dan merendahkan/membongkokkan sedikit kepalanya sekadar mampu.
e. Kemudian takbir untuk sujud yang mana kepalanya lebih rendah daripada ketika rukuk
f. Memberi salam yang pertama.

4. Panduan/cara solat secara duduk

a. Takbir pertama dengan takbiratul ihram
b. Membaca surah al Fatihah
c. Takbir untuk rukuk dan merendahkan kepalanya sedikit.
g. Kemudian takbir untuk sujud yang mana kepalanya lebih rendah daripada ketika rukuk
d. Duduk untuk tasyahud
e. Memberi salam.

4. Panduan/cara solat dengan isyarat mata

a. Isyarat mata ketika takbiratul ihram, iktidal dan duduk
b. Isyarat mata ketika rukuk
c. Isyarat mata ketika sujud lebih rendah daripada ketika rukuk
d. Isyarat mata ketika memberi salam.

٣) الصلاة بالاستلقاء على القفا

أ) وضع الوسادة تحت رأسه ورفع رأسه قليلا وتكون قدماه مستقيمتين متجهتين للقبلة قدر الإمكان.
ب) ثم تكبير تكبيرة الإحرام.
ج) قراءة الفاتحة.
د) ثم تكبير للركوع وانحناؤه برأسه على قدر الإمكان.
هـ) ثم التكبير للسجود حيث ويكون انحنائه برأسه أكثر مما كان في الركوع.
و) التسليم.

٤) الصلاة قاعدا

أ) التكبيرة الأولى للإحرام.
ب) قراءة الفاتحة.
ج) تكبير للركوع وإنحناء برأسه قليلا.
د) ثم يكبر للسجود حيث يكون إنحناء برأسه أبلغ مما كان في الركوع.
هـ) القعود للتشهد.
و) التسليم.

٥) الصلاة بإشارة العين

أ) العين عند تكبيرة الإحرام والاعتدال والجلوس.
ب) العين عند الركوع.
ج) العين عند السجود أخفض من الركوع.
د) العين عند التسليمة الأولى.

**Hikmah Disyariatkan Solat Orang Yang Mempunyai Keuzuran**

- Mengambarkan agama Islam itu mudah seperti sabda Rasulullah saw: "Sesungguhnya agama itu mudah, dan sekali-kali tidaklah seseorang memperberat agama melainkan akan dikalahkan …..".
(hadis riwayat Bukhari)

- Bukti bahawa kewajipan solat tidak gugur daripada hamba ketika dalam keadaan keuzuran

- Memudahkan pelaksanaan perkara fardu ketika keadaan darurat.

**حكمة مشروعية صلاة صاحب الأعذار**

- إشعار بأن الدين يسر كما قال الرسول (ص) : إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلاَّ غَلَبَهُ.... (رواه البخاري)

- دليل على أن فرض الصلاة لا يسقط من العباد في حالة من الأعذار.

- تيسير لأداء الفرض في حالة الضرورة.

Pelajaran 13

## SOLAT KHAUF

**Definisi solat Khauf**:
Solat yang dilakukan ketika dalam keadaan peperangan atau keadaan terlalu takut

**Dalil pensyariatan solat Khauf**

**Al Quran**
Firman Allah swt:
Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu, dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing; kemudian apabila mereka telah sujud, maka hendaklah mereka berundur ke belakang (untuk menjaga serbuan musuh); dan hendaklah datang pula puak yang lain (yang kedua) yang belum sembahyang (kerana menjaga serbuan musuh), maka hendaklah mereka bersembahyang (berjamaah) bersama-samamu, dan hendakah mereka mengambil langkah berjaga-jaga serta menyandang senjata masing-masing. Orang-orang kafir memang suka kalau kamu cuai lalai akan senjata dan harta benda kamu, supaya dengan jalan itu mereka dapat menyerbu kamu beramai-ramai dengan serentak. Dan tidaklah kamu berdosa meletakkan senjata masing-masing, jika kamu dihalangi sesuatu yang menyusahkan disebabkan hujan atau kamu sakit. Dan hendaklah kamu mengambil langkah berjaga-jaga. Sesungguhnya Allah telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghina.
(surah an Nisa' : 102)

**Hadis**
Mujahid meriwayatkan dari ibnu Abbas r.a, Rasulullah saw bersabda: "Allah swt telah mewajibkan solat itu melalui lisan Nabi kamu ketika bermuqim solat empat rakaat, ketika dalam perjalanan dua rakaat, dan ketika dalam peperangan **satu rakaat**. " ( Hadis riwayat Muslim )

* Makmum solat berjemaah bersama imam **satu rakaat** (pada rakaat pertama) dan pada rakaat kedua solat berasingan.

** info tambahan
Nabi saw melakukan solat Khauf pada tiga tempat iaitu di Batni Nakhl, Asfan dan Zat Riqa'.baginda mengharuskan tentera Islam untuk solat berjemaah – sedangkan ia adalah lebih baik - atau solat secara sendirian.



الدرس الثالث عشر

## صلاة الخوف

**تعريف صلاة الخوف** : هي صلاة التي تؤدي في ظروف القتال أو في شدة الخوف.

**دليل مشروعية صلاة الخوف**:

من الكتاب :

وَإِذَا كُنتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَلْتَقُمْ طَآئِفَةٌ مِّنْهُم مَّعَكَ وَلْيَأْخُذُوٓاْ أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُواْ فَلْيَكُونُواْ مِن وَرَآئِكُمْ وَلْتَأْتِ طَآئِفَةٌ أُخْرَىٰ لَمْ يُصَلُّواْ فَلْيُصَلُّواْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُواْ حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ ۗ وَدَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوْ تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُم مَّيْلَةً وَٰحِدَةً ۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن كَانَ بِكُمْ أَذًى مِّن مَّطَرٍ أَوْ كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَن تَضَعُوٓاْ أَسْلِحَتَكُمْ ۖ وَخُذُواْ حِذْرَكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٠٢﴾

(سورة النساء : ١٠٢)

**من السنة :**

روى مجاهد عن ابن عباس ﵁ قال رسول الله ﷺ : فرض الله الصلاة على لسان نبيكم ﷺ في الحضر أربعا، وفي السفر ركعتين، وفي الخوف ركعة. [رواه مسلم]

* أن المأموم يصلي مع الإمام ركعة ويصلي ركعة أخرى منفردا.

المعلومات الإضافية

صلاها النبي ﷺ في ثلاثة مواقع، في بطن النخل وعسفان وذات الرقاع، فيجوز لجيش المسلمين أن يصلى جماعة وهي الأفضل أو فرادى.

**Hukum Solat khauf**

Solat khauf adalah disyariatkan dan ianya harus dalam semua keadaan peperangan yang dibenarkan syarak

**Sebab (yang membolehkan) Solat khauf**

1. Kehadiran musuh
2. Terlalu takut seperti penyerang yang menyerang manusia , pencuri atau binatang buas
3. Bencana alam seperti kebakaran, banjir, lemas/tenggelam, gempa bumi, letusan gunung berapi

**Syarat-syarat Solat khauf**

1. Peperangan tersebut dibenarkan (syarak)
   - seperti memerangi orang kafir harbi, penentang kerajaan Islam, penyerang yang ingin menumpahan darah dan mencabul kehormatan.

2. kehadiran musuh atau sebab ketakutan
   - berkecamuk pertempuran.
   - Kehadiran binatang seperti singa atau ular.
   - Kejadian bencana alam seperti kebakaran, lemas, tsunami dan gempa bumi.

**Cara Solat Khauf**

1) Imam membahagikan jemaah kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama berdiri menghadap musuh untuk berkawal, dan kumpulan kedua solat bersama imam.
2) Imam solat sempurna dua kali, di mana dia solat fardu pada solat yang pertama dan solat sunat pada solat yang kedua.
3) Imam solat dengan kumpulan pertama dan memberi salam bersama mereka. Kemudian kumpulan tersebut pergi menghadap kea rah musuh untuk berkawal, dan datang kumpulan kedua dan imam solat berjemaah dengan mereka sehingga selesai – solat imam ini adalah solat sunat - dan mereka solat fardu. Perkara ini adalah dibolehkan secara sepakat ulamak.

**حكم صلاة الخوف**

صلاة الخوف مشروعة جائز في كل حال القتل المباح.

**أسباب صلاة الخوف**

١) حضور العدو
٢) شدة الخوف مثل الصائل المعتدي على الإنسان أو اللص أو السبع.
٣) الكوارث مثل الحريق والسيل والغرق والزلازل والبركان.

**شروط صلاة الخوف**

٦) أن يكون القتال مباحا.
- مثل قتال الكفار الحربيين والبغاة والمحاربين القاصدين سفك الدماء وهتك الحرمات.

٧) حضور العدو أو سبب من أسباب شدة الخوف.
- التحام القتال.
- حضور الحيوانات المفترسات مثل الأسد أو الثعبان.
- حدوث الكوارث مثل الحريق والغرق والسونامي والزلازل.

**كيفية صلاة الخوف**

١) يقسم الإمام الجماعة إلى طائفتين، الأولى تقف في وجه العدو للحراسة، والثانية تصلي مع الإمام.
٢) يصلي الإمام صلاة كاملة مرتين حيث يكون متفرضا في الأولى ومتنفلا في الثانية.
٣) فيصلي بالطائفة الأولى ويسلم بها ثم تذهب إلى وجه العدو للحراسة، وتاتي الطائفة الثانية فيصلي بها صلاة كاملة، فيكون متنفلا وهم مفترضون، وهو جائز اتفاقا.

**Cara Solat ketika keadaan terlalu takut**

1. Dalam keadaan terlalu takut dan tidak boleh solat berjemaah, dibolehkan untuk solat dalam keadaan berjalan kaki atau menunggang kenderaan mengikut kedudukan mereka. Mereka menggunakan isyarat dengan kepala untuk ruku' dan sujud ke arah mana sahaja yang mereka mahu.

2. Mereka memulakan solat dengan takbiratul Ihram dalam keadaan menghadap kiblat sekiranya mereka mampu berbuat demikian atau ke mana- arah sekiranya tidak mampu kerana terpaksa

Allah swt berfirman:
"Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk". [238]
"Dan jika kamu takuti (sesuatu bahaya) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu telah aman sentosa, maka hendaklah kamu mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang secara yang lebih sempurna), sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang kamu tidak mengetahuinya.[239]

(Surat al-Baqarah: 238 – 239)

**Cara pelaksanaan solat khauf ini ketika peperangan memuncak**

Solat dibenarkan ditunaikan secara isyarat ketika terlalu takut dalam pertempuran sengit. Tidak ada cara khusus untuk kes ini, setiap orang boleh solat mengikut kemampuan masing-masing, sama ada dengan cara berjalan kaki atau menunggang kenderaan, berjalan atau berdiri, sama ada mengadap kiblat atau menyimpang daripadanya. Dia rukuk dan sujud dengan isyarat. Isyaratnya untuk sujud itu lebih rendah dari isyarat untuk rukuk.

**كيفية صلاة شدة الخوف**

١) في حالة شدة الخوف وتعذر الجماعة، يجوز أن يصلوا راجلين أو ركبانا في مواقعهم يومئون إيماء برؤوسهم للركوع والسجود إلى أي جهة شاءوا.

٢) يبدؤون صلاتهم بتكبيرة الإحرام مستقبلي القبلة إن قدروا على ذلك أو إلى أي جهة إن تعذروا للضرورة.

قال الله تعالى :
﴿حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلاَةِ الْوُسْطَى وَقُومُوا للهِ قَانِتِينَ ** فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالاً أَوْ رُكْبَانًا فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَاذْكُرُوا اللهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّالَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ﴾ (سورة البقرة : ٢٣٨ – ٢٣٩)

**كيفيتهما عند اقتحام القتال**

تجوز الصلاة إيماء عند شدة الخوف في حالة اقتحام القتال. ولا توجد كيفية معينة لهذه الحالة، فيصلي كل منهم بقدر الإمكان، راجلا أو راكبا، ماشيا أو واقفا، مستقبلا للقبلة أو منحرفا عنها، فيركع ويسجد بإيماء، ويكون إيماؤه للسجود أخفض من إيمائه للركوع.

**Perkara yang membatalkan solat khauf**

solat khauf terbatalkan dengan perkara yang membatalkan solat fardu dengan tambahan perkara berikut:

1. Terhasil keamanan.
2. Pekikan/laungan yang tidak diperlukan dan bercakap.
3. perbuatan dan pergerakan yang tidak berkaitan dengan pertempuran.

** info tambahan
Tempat yang dilaksanakan solat khauf pada zaman nabi saw:
1. Asfan
2. Zat Riqa'
3. Batn Nakhl
4. Najd
5. Juhainah
6. Bani Sulaim

**Hikmah solat khauf**

1. Islam menggalakkan agar menunaikan solah berjemaah.
2. Mempermudahkan kepada umat Islam dalam melaksanakan kewajipan.
3. Menggalakkan agar memeliharaan ikatan jemaah di kalangan umat Islam sehingga mereka sentiasa utuh dan kuat.

**Pelaksanaan amali solat khauf mengikut cara solat Rasulullah saw ketika berada di *Batn Nakhl* :**

1. Bahagikan pelajar kepada dua kumpulan yang mana kedudukan mereka dan musuh mereka ada penghalang seperti parit.
2. Kumpulan pertama berkawal mengadap musuh.
3. kumpulan kedua solat sempurna bersama imam sehingga memberi salam kemudian kumpulan ini akan pergi mengadap musuh untuk berkawal.
4. Imam berdiri di tempatnya untuk melaksanakan solat sunat dan datang kumpulan pertama untuk melaksanakan solat fardu dan dia solat bersama mereka.

**مبطلات صلاة الخوف**

تبطل صلاة الخوف بما تبطل به الصلوات المكتوبة بالإضافة إلى ما يأتي:

١) حصول الأمن.
٢) الصياح لغير ضرورة والكلام.
٣) الأفعال والحركات غير المتعلقة بالقتال.

** المعلومات الإضافية

أماكن أقيمت صلاة الخوف في عهد النبي ﷺ :

١) عسفان ب) ذات الرقاع ج) بطن النخل
د) نجد هـ) جهينة و) بني سُليم

**حكمة صلاة الخوف**

١) حث الإسلام على أداء صلاة الجماعة.
٢) تيسير الأمة في أداء الفريضة.
٣) الحث على حفظ روابط الجماعة بين المسلمين حتى تظل صلبة قوية دائمة.

**تطبيق عملية صلاة الخوف على طريقة صلاة الرسول ﷺ في بطن النخل**

١ – ينقسم الطلاب إلى طائفتين بحيث يكون بينهم وبين العدو ساتر كخندق
٢ – تقف الطائفة الأولى للحراسة في مواجهة العدو.
٣ – تصلي الطائفة الثانية مع الإمام صلاة كاملة حتى تنتهي ثم تذهب إلى جهة العدو للحراسة.
٤ – يقف الإمام في محله لأداء صلاة النافلة فيأتي بالطائفة الأولى لأداء الفريضة فيصلي بهم جميعا.

Pelajaran 14

## Solat rawatib

**Definisi Solat rawatib**

Dari sudut **bahasa**: rawatib ialah kata jamak bagi ratibah – menyusun/mengatur sesuatu.

Solat Rawatib dari sudut **istilah**: Solat sunat yang mengiringi solat fardu seperti solat sunat sebelum dan selepas solat fardu. Dinamakan juga dengan *nafilah*, kata jamaknya *nawafil* dengan erti tambahan iaitu (solat) tambahan bagi solat fardu.

**Dalil disyariatkan solat sunat rawatib**

**Hadis :**
Dari Ibnu Umar berkata: Aku ingat daripada Rasulullah SAW solat sunat 10 rakaat (baginda tidak pernah meninggalkannya) iaitu 2 rakaat sebelum Zuhur, 2 rakaat selepas Zohor, 2 rakaat selepas Maghrib di rumah baginda, 2 rakaat selepas Isyak juga di rumah baginda dan 2 rakaat sebelum solat Subuh."
(Hadis riwayat Bukhari-Muslim)

**Hukum solat rawatib**
Solat rawatib adalah sunat

**Jenis solat sunat rawatib**

solat sunat rawatib ada dua jenis:
**1. Qabliyah**
(solat sunat yang dilaksanakan sebelum solat fardu)

i- Dua rakaat sebelum solat Subuh
ii- Dua rakaat sebelum solat Zohor

الدرس الرابع عشر

## صلاة الرواتب

**تعريف صلاة الرواتب**

**لغة** : الرواتب جمع راتبة من رتب الشيء رتوبا.

صلاة الرواتب **اصطلاحا** : النافلة التابعة للصلوات المكتوبة كالسنن القبلية والبعدية. وسميت أيضا بالنافلة وجمعها نوافل بمعنى الزيادة أي الزيادة على الفريضة.

**دليل مشروعية صلاة الرواتب**

**من السنة :**

عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّهُ قَالَ حَفِظْتُ عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ عَشْرَ رَكَعَاتٍ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الظُّهْرِ، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَهَا، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْمَغْرِبِ في بيته، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْعِشَاءِ في بيته، وَرَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الصُّبْحِ . [رواه البخاري مسلم]

**حكم صلاة الرواتب**

صلاة الرواتب مستحبة.

**أنواع صلاة الرواتب**

صلاة الرواتب نوعان:

١. **قبلية**

(التعريف : هي الصلوات التي تؤدي قبل الفريضة)

أ) ركعتان قبل الصبح

ب) ركعتان قبل الظهر

2. **Ba’diyah**

(solat sunat yang dilaksanakan sebelum solat fardu)

i. Dua rakaat selepas solat Zohor
ii. Dua rakaat selepas solat Maghrib
iii. Dua rakaat selepas solat Isya’

** <u>info tambahan</u>

Solat sunat rawatib yang tidak muakkad ialah:

1. Dua rakaat sebelum solat Zohor.
2. Empat rakaat sebelum solat Asar.
3. Dua rakaat sebelum solat Maghrib.
4. Dua rakaat sebelum solat Isya’.
5. Dua rakaat selepas solat Zohor

**Cara menunaikan solat sunat rawatib**

1. Niat solat tersebut ketika takbiratul ihram.
- Contoh lafaz niat:
  Sahaja aku sembahyang sunat zohor qabliah dua rakaat kerana Allah Taala.
  Sahaja aku sembahyang sunat zohor ba’diyah dua rakaat kerana Allah Taala
2. Takbiratul Ihram kemudian membaca doa iftitah.
3. membaca surah al fatihah pada rakaat pertama …. dan surah al fatihah serta surah al ikhlas pada rakaat kedua.
4. Rukuk dan I’tidal.
5. Dua sujud dan duduk di antara dua sujud.
6. Membaca tasyahhud akhir.
7. Memberi salam pertama.

٢. **بعدية**

(التعريف : هي الصلوات التي تؤدي بعد الفريضة)

أ) ركعتان بعد الظهر
ب) ركعتان بعد المغرب
ج) ركعتان بعد العشاء

* <u>المعلومات الإضافية</u>

وأما صلاة الرواتب غير مؤكدة وهي :

١) ركعتان قبل الظهر.
٢) أربع ركعات قبل العصر.
٣) ركعتان قبل المغرب.
٤) ركعتان قبل العشاء.
٥) ركعتان بعد الظهر.

**كيفية صلاة الرواتب**

٤) أن ينوي الصلاة في تكبيرة الإحرام.

- مثل لفظ النية :

أصلي سنة الظهر قبلية ركعتين لله تعالى.

أصلي سنة الظهر بعدية ركعتين لله تعالى

٥) تكبيرة الإحرام ثم الافتتاح.
٦) قراءة الفاتحة في الركعة الأولى والفاتحة وسورة الإخلاص في الركعة الثانية.
٧) الركوع والاعتدال.
٨) السجدتان والجلوس بينهما.
٩) التشهد الأخير.
١٠) التسليمة الأولى.

**Nilai Murni

Antara sifat orang mukmin yag sempurna ialah segera melakuka solat sunat rawatib dan berlumba-lumba melakukannya untuk melengkapkan solat fardu.

**Hikmah solat sunat rawatib**

1. Antara sebab dapat masuk syurga dan terselamat dari api neraka.
2. Antara sebab kasih Allah swt terhadap hambaNya
3. Dapat menampung kekurangan dan kelalaian dalam solat fardu
4. Sebagai persediaan untuk berdiri di hadapan (bertemu) Allah swt

** **القيمة**

من صفات المؤمن الكامل المسارعة إلى الرواتب والمسابقة إليها لتكمل بها الفرائض.

**حكمة صلاة الرواتب**

٤) من أسباب دخول الجنة والنجاة من النار.

٥) من أسباب محبة الله للعبد.

٦) تجبر لما يقع في الفرائض من نقص وتقصير.

٧) تهيئة للقيام بين يدي الله.

Pelajaran 15

## Solat Tahiyyatul Masjid

### Definisi Solat Tahiyyatul Masjid

Solat Tahiyyatul Masjid : solat dua rakaat sebelum duduk setiap masud ke masjid.

### Dalil disyariatkan Solat Tahiyyatul Masjid

**Hadis** :

Daripada Abu Qatada, bahwa Rasulullah saw bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, maka janganlah dia duduk sehinggalah dia mendirikan sembahyang dua rakaat terlebih dahulu”.

(Hadits riwayat Bukhari dan Muslim)

### Hukum Solat Tahiyyatul Masjid

Solat Tahiyyatul Masjid adalah sunat.

* info tambahan

Makruh seseorang (yang masuk ke masjid) terus duduk dan meninggalkan solat tahiyyatul masjid tanpa keuzuran. Disunatkan membaca Surah Al-Kafirun dan al ikhlas di dalam solat tersebut. Sekiranya memasuki masjid azan dilaungkan, maka solat sunat rawatib itu lebih utama daripada solat tahiyyatul masjid. Tidak disyaratkan niat tahiyyatul masjid pada solat sunat dua rakaat ini, tetapi ianya terhasil dengan niat solat sunat mutlak, solat fardu atau solat sunat yang lain.

الدرس الخامس عشر

## صلاة تحية المسجد

### تعريف صلاة تحية المسجد

صلاة تحية المسجد : ركعتان قبل الجلوس لكل داخل إلى المسجد.

### دليل مشروعية صلاة تحية المسجد

**من السنة :**

عنْ أَبِي قَتَادَةَ ﵁ أن رَسُولُ ﷺ قال : إذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ، فَلا يَجْلِسْ حَتَّى يُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ. [رواه البخاري ومسلم]

### حكم صلاة تحية المسجد

صلاة تحية المسجد مستحبة.

* المعلومات الإضافية

ويكره للمرء أن يجلس ويتركها من غير عذر، ويسن أن يقرأ فيها سورة الكافرون والإخلاص. وإذا دخل المسجد عند الأذان، فالرواتب أولى من تحية المسجد. ولا يشترط في الركعتين نية التحية، بل تحصل بنية مطلقة أو فرض أو نفل الآخر.

**Solat tahiyyatul masjid ini makruh dilakukan pada beberapa keadaan:**

1. Apabila memasuki masjid, muazzin melaungkan iqamah untuk melaksanakan solat fardu.
   Berdasarkan hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah ra katanya: Rasulullah saw bersabda: “Apabila dilaungkan iqamat untuk solat maka tidak boleh dilaksanakan solat lain kecuali solat fardu sahaja”.
   [hadis riwayat Muslim]

2. Apabila masuk ke Masjidil Haram, tidak boleh mengerjakan solat tahiyyatul masjid dan meninggalkan tawaf kerana tahiyyatul Baitullah ialah tawaf.
3. Apabila masuk ke masjid sedangkan imam berada di akhir khutbah Jumaat, bimbang tidak sempat bersama imam di awal solat jumaat.

**Waktu solat tahiyyatul masjid**

Selepas masuk ke masjid secara langsung, maka seseorang itu tidak duduk atau berdiri lama sebelum menunaikannya, dan jika dia duduk dalam tempoh masa yang pendek kerana keuzuran atau terlupa, maka tidak terlepas lagi untuk solat tahiyyatul masjid.

**Cara solat tahiyyatul masjid**

1. Suci dari hadas dan najis
2. Mengadap ke arah Kiblat dengan niat : "Sahaja aku solat sunat tahiyyatul masjid dua rakaat kerana Allah Taala”.
3. takbiratul Ihram kemudian membaca doa iftitah
4. Membaca surah al-Fatihah dan (mana-mana) Surah pada rakaat pertama
5. Rukuk dan I’tidal
6. Dua kali sujud dan duduk di antara sujud
7. Membaca surah al Fatihah dan surah dalam rakaat kedua
8. Rukuk dan I’tidal

**التحية مكروهة في الحالات :**

١) إذا دخل المسجد وأذن المؤذن لإقامة الصلوات المكتوبة.

لما روي عن أبي هريرة ﷺ قال رسول الله ﷺ : إذا أقيمت الصلاة فلا صلاة إلا المكتوبة. [رواه مسلم]

٢) إذا دخل المسجد الحرام، فلا يشتغل بها عن الطواف لأن تحية البيت الطواف.

٣) إذا دخل المسجد والإمام في آخر خطبة الجمعة، خوفا من فوات أول الصلاة مع الإمام.

**وقت صلاة تحية المسجد**

عند دخول المسجد مباشرة، فلا يجلس ولا يقف طويلا قبل أدائها، وإن جلس قدرا قصيرا لعذر أو سهو فلا تفوته التحية.

**كيفية صلاة تحية المسجد**

١. التطهير من الحدث والخبث
٢. استقبال القبلة مع النية وهي "أصلي سنة تحية المسجد ركعتين لله تعالى
٣. تكبيرة الإحرام ثم الافتتاح
٤. قراءة الفاتحة وسورة في الركعة الأولى
٥. الركوع والاعتدال
٦. السجدتان والجلوس بينهما
٧. قراءة الفاتحة وسورة في الركعة الثانية
٨. الركوع والاعتدال

9. Dua kali sujud dan duduk di antara sujud

10. Tasyahhud akhir

11. memberi salam pertama dan kedua

٩. السجدتان والجلوس بينهما

١٠. التشهد الأخير

١١. التسليمة الأولى والثانية

**Hikmah solat tahiyyatul masjid**

- Membanyakkan solat sunat
- Membesarkan rumah Allah

**حكمة صلاة تحية المسجد**

- الإكثار من النوافل
- التعظيم لبيوت الله

* Nilai Mulia

1. Membesarkan rumah Allah
2. Menjaga sunnah nabi saw

* القيمة

١. تعظيم بيوت الله

٢. المحافظة على السنة النبوية

Pelajaran 16

## IKTIKAF

**Pengertian iktikaf**

Dari sudut **bahasa**: Menetap atau tinggal di atas sesuatu

Dari sudut istilah **syarak**: Menetap atau tinggal melebihi masa tama'ninah solat di dalam masjid (yang dilakukan oleh) orang tertentu dengan niat tertentu.

**Dalil pensyariatan iktikaf**

**Al Quran**

Firman Allah swt: "Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh Kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haraam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud".

Surah al Baqarah (125)

"dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukumNya kepada sekalian manusia supaya mereka bertaqwa".

Surah al Baqarah (187)

**Hadis** :

Riwayat Ibnu Umar, Anas dan Aisyah r.ha bahawa Rasulullah saw *beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan semenjak baginda datang ke Madinah sehinggalah baginda wafat.* (*Hadis* riwayat *Muslim*)

الدرس السادس عشر

## الاعتكاف

**تعريف الاعتكاف**

**لغة** : اللبث والإقامة على الشيء

**شرعا** : اللبث فوق مدة طمأنينة الصلاة في المسجد من شخص مخصوص بنية مخصوصة.

**دليل مشروعية الاعتكاف**

**من الكتاب:**

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمْنًا وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى ۖ وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ (سورة البقرة: ١٢٥ )

وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ ۗ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ (سورة البقرة: ١٨٧)

**من السنة :**

روى ابن عمر وأنس وعائشة رضي الله عنهم أن رسول الله ﷺ **كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ** منذ قدم المدينة إلى أن توفاه الله تعالى". (رواه البخاري ومسلم)

**Hukum i'tikaf**

1. **wajib**
Ianya wajib bagi orang yang bernazar (bersumpah) untuk tempoh masa tertentu.

** info tambahan

Orang yang bernazar i'tikaaf untuk beberapa hari berturut-turut, maka dia wajib menlakukannya berturut-turut. Sekiranya urutan itu terputus tanpa keuzuran syarak, maka dia perlu memulakannya semula. Jika tidak berbuat sedemikian, maka dia perlu membayar kaffarah sumpah. Keluar (dari masjid) dengan sebab yang dibenarkan syarak tidak terputus turutan tersebut.

** info penting

Iktikaf hanya dikhususkan di masjid. Masjid yang didirikan solat Jumaat itu lebih baik daripada masjid lain.

**2. Sunat muakkad**

**I'tikaaf pada sepuluh hari terakhir Ramadhan**

**3. Sunat**

**Pada setiap masa selain sepuluh hari terakhir Ramadhan**

**4. Haram**

**Wanita (yang keluar dari rumah) tanpa kebenaran suami atau tuannya**

**حكم الاعتكاف**

١. **واجب**

فيجب على من نذر مدة من الزمان

** المعلومات الإضافية

من نذر الاعتكاف أياما متتابعة لزمه التتابع، فإن انقطع التتابع بغير عذر شرعي استأنف من جديد، وإلا فعليه كفارة اليمين. والخروج بسبب الأعذار الشرعية لا يقطع التتابع.

** معلومات تهمك

ويختص الاعتكاف بالمسجد، وكون المسجد الذي تقام فيه الجمعة أفضل من غيره.

٢. **سنة مؤكدة**

الاعتكاف في العشر الأواخر من رمضان

٣. **مستحب**

في جميع الأوقات غير العشر الأواخر من رمضان

٤. **حرام**

المرأة بغير اذن الزوج أو السيد

**Tempoh I'tikaaf**

**Disunatkan i'tikaf itu sehari semalam. Sekurang-kurang tempohnya adalah masa yang melebihi kadar tama'ninah rukuk dalam solat dan tiada hak maksimanya**

**Tidak dinamakan 'I'tikaf' dengan hanya melintasi masjid, seperti seseorang itu masuk dari satu pintu dan keluar melalui pintu lain.**

**Rukun I'tikaf.**

**1. Niat**

**Perlu niat ketika beri'tikaf, sama ada I'tikaf sunat atau wajib, sama ada tertentu masanya atau tidak.**

**lafaz niatnya: "Aku niat beri'tikaf di masjid ini kerana Allah Taala".**

**2. Menetap /tinggal**

**Tidak sah i'tikaaf kecuali apabila orang yang beriktikaf duduk di masjid dalam masa tertentu, dan tidak keluar daripadanya kecuali kerana keuzuran syarak atau keperluan semulajadi seperti membuang air kecil, air besar, menghilangkan najis dan mandi wajib kerana disebabkan bermimpi (keluar air mani).**

**Berdasarkan kata-kata Aisyah r.ha bahawa Rasulullah saw** pernah memasukkan kepalanya ke dalam rumah **sedangkan baginda berada di dalam masjid,** lalu aku menyisir rambutnya. dan jika beri'tikaf baginda tidak akan masuk ke rumah, kecuali untuk sesuatu keperluan**.** **(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)**

3. **Masjid** (tempat beriktikaf)

i'tikaaf boleh dilakukan di mana-mana masjid, dan yang utama adalah masjid yang didirikan solat Jumaat. Masjid yang paling baik adalah Masjidil Haram, kemudian Masjid Nabi saw, seterusnya Masjid Al-Aqsa.
Tidak sah i'tikaaf di masjid rumahnya, iaitu tempat di mana seorang wanita bersolat di dalam rumahnya.

**مدة الإعتكاف**

يسن أن يكون الاعتكاف يوما وليلة وأقل مدته فوق طمأنينة الركوع في الصلاة ولا حد لأكثرها.
ولا يسمى إعتكافا بمجرد العبور في المساجد كأن دخل من باب وخرج من آخر.

**أركان الاعتكف.**

١. **النية**

تجب النية في الاعتكاف سواء تطوعا أو منذورا، وسواء تعين وقتها أم لا.
ولفظ النية: نويت الاعتكاف في هذا المسجد لله تعالى.

٢. **اللبث**

لا يصح الاعتكاف إلا إذا لبث المعتكف في المسجدقدرا من الزمان، ولا يخرج منه إلا لعذر شرعي أو لحاجة طبيعية كالبول والغائط وإزالة النجاسة واغتسال الجنابة بسبب الاحتلام.

لقول عائشة ﵂ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لَيُدْخِلُ عَلَيَّ رَأْسَهُ –وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ– فَأُرَجِّلُهُ, وَكَانَ لَا يَدْخُلُ الْبَيْتَ إِلَّا لِحَاجَةٍ، إِذَا كَانَ مُعْتَكِفًا. (رواه البخاري ومسلم)

٣. **المسجد** (المعتكف فيه)

يجوز الاعتكاف بأي مسجد، والأولى كونه مسجدا جامعا تقام فيه الجمعة، وأفضله المسجد الحرام ثم مسجد النبي ﷺ ثم المسجد الأقصى، ولا يصح الاعتكاف في مسجد بيتها يعني المكان الخاص تصلي فيه المرأة داخل البيت.

**Perbendaharaan kata**

(اللبث) Tinggal/menetap

(العبور) melintasi tempat dari satu penjuru ke penjuru lain

(الحجامة) Mengisap darah dengan alat berbekam

(الفصد) membelah saluran darah dan membuang darah untuk rawatan.

(السيد) Tuan yang mempunyai hamba dan khadam.

**Syarat I'tikaf**

1. Berada di masjid
2. Niat i'tikaaf
3. Berakal dan mumayyiz
4. Islam
5. Kebenaran suami atau penjaga atau tuan kepada perempuan dan hamba
6. Suci dari hadas besar, haid dan nifas

**Perkara makruh ketika I'tikaf**

1. Melakukan akad/Kontrak jual beli
2. Melakukan pekerjaan
3. Berbekam
4. Rawatan dengan mengeluarkan darah

معاني الكلمات

**اللبث** : مكث

**العبور** : قطع المكان من جانب إلى جانب آخر

**الحجامة** : امصاص الدم بالمحجم

**الفصد** : شق عرقه وأخرج منه الدم للعلاج.

**السيد** : المولى ذو العبيد والخدم.

**شروط الاعتكف**

١. كونه في المسجد

٢. نية الاعتكاف

٣. العقل والتمييز

٤. الإسلام

٥. إذن الزوج أو الولي أو السيد للمرأة والرقيق

٦. الطهارة من الجنابة والحيض والنفاس

**مكروهات الاعتكاف**

١. عقد البيع والشراء

٢. العمل الصناع

٣. الحجامة

٤. الفصد

**Perkara yang membatalkan I'tikaf**

1. Keluar (dari masjid) tanpa keuzuran syarak
2. Bersetubuh dengan sengaja
3. Keluar air mani disebabkan sentuhan dengan syahwat
4. Murtad
5. Mabuk, pengsan dan gila
6. Haid dan nifas

**Adab beri'tikaf**

1. Menyibukkan diri dengan solat, zikir kepada Allah dan membaca Al-Quran.
2. Berpuasa semasa i'tikaf.
3. I'tikaf itu dilakukan di masjid solat Jumaat
4. Mengelakkan perkara-perkara yang dilarang
5. Orang yang beriktikaf mengelakkan diri dari perbuatan dan kata-kata keji seperti menipu.

**Hikmah daripada pensyariatan i'tikaf**

1. Menetapkan hati untuk taat kepada Allah swt
2. Mencari malam Qadr pada akhir Ramadan
3. Memutuskan diri daripada terlibat dengan manusia, mengosongkan hati dari perkara-perkara dunia
4. Menghimpunkan hati kepada Allah swt dan menyerahkan jiwanya untuk Allah swt dan bersendirian dengan Allah swt.

*<u>Nilai Murni</u>

Sentiasa mendekatkan diri kepada Allah swt

**مبطلات الاعتكاف**

١. الخروج بلا عذر شرعي

٢. الوطء عمدا

٣. الانزال بسبب المباشرة بشهوة

٤. الردة

٥. السكر والاغماء والجنون

٦. الحيض والنفاس

**آداب الاعتكاف**

١. الاشتغال بالصلاة وذكرالله وتلاوة القرآن وتدبره.

٢. الصيام أثناء الاعتكاف.

٣. كون الاعتكاف في المسجد الجامع

٤. الاجتناب المكروهات

٥. الاجتناب المعتكف من الأفعال والأقوال القبيحة كالغش.

**الحكمة من مشروعية الاعتكاف**

١. عكوف القلب على طاعة الله

٢. تحرّ ليلة القدر في أواخر رمضان

٣. الانقطاع عن الاشتغال بالخلق تفريغ القلب من أمور الدنيا

٤. جمع القلب على الله ووقف النفس له والخلوة به.

* <u>القيمة</u>

مداومة التقرب إلى الله

Pelajaran 17

## SOLAT TAHAJJUD

### Pengertian Solat Tahajjud

Dari sudut **bahasa**: Berjaga malam dan tidak tidur.

Dari sudut istilah **syarak**: Melakukan solat sunat selepas tidur.

### Dalil disyariatkan solat Tahajjud

**Al Quran**:
"Dan pada sebahagian malam hari bersolat Tahajjudlah kamu sebagai suatu ibadat tambahan bagimu; Mudah-mudahan Tuhan-mu mengangkat kamu ke tempat yang terpuji."

(Surah Isra'; ayat 79)

**Hadis** :

Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa nabi saw bersabda: "Puasa yang paling baik selepas puasa Ramadan ialah puasa di bulan Muharram, dan Solat yang paling baik selepas solat fardhu ialah solat malam (solat Tahajjud)." (Hadith riwayat Abu Daud)

### Hukum Solat Tahajjud

Solat Tahajjud merupakan solat sunat muakkad (sunat yang sangat-sangat dituntut)

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: "Solat yang paling baik selepas solat fardhu ialah solat malam (solat Tahajjud)"

(Hadith riwayat Muslim)

### Waktu Solat Tahajjud

Ditunaikan solat tahajjud selepas bangun tidur dan sebelum azan subuh. Waktu yang terbaik adalah 1/3 akhir malam.

الدرس السابع عشر

## صلاة التهجد

### تعريف صلاة التهجد

**لغة** : السهر وترك النوم.

**شرعا** : التنفل ليلا بعد النوم

### دليل مشروعية صلاة التهجد

**من الكتاب:**

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَحْمُودًا

(سورة الإسراء : ٧٩)

من السنة:

روى أبو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أن النبي ﷺ قال : " أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ المفروضة صَلَاةُ اللَّيْلِ ". (رواه أبو داود)

### حكم صلاة التهجد

صلاة التهجد سنة مؤكدة

روى عن أبي هريرة ؓ قال: قال رسول الله ﷺ: " أفضل الصلاة بعد الفريضة صلاة الليل ".

### وقت صلاة التهجد

تؤدي بعد الاستيقاظ من النوم وقبل أذان الفجر، وأفضل ثلث الليل الأخير.

** Info penting

Ibnu Umar r.a bahwa Rasulullah *saw* bersabda: “Solat yang paling Allâh swt cintai adalah solat nabi Daud a.s, baginda tidur hingga pertengahan malam lalu solat pada sepertiganya kemudian tidur kembali pada seperenam akhir malamnya”.

(Hadis riwayat Bukhari)

**Bilangan rakaat solat tahajjud**

Sekurang-kurangnya dua rakaat dan tiada had maksima rakaat bagi solat tahajjud

Daripada Ibnu Umar, bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai solat malam. Baginda bersabda: Solat malam dilakukan dua rakaat, dua rakaat. Jika kamu bimbang telah masuk waktu Subuh, maka solatlah satu rakaat untuk mewitirkan (mengganjilkan rakaat) solat malamnya itu”.

(Hadith riwayat Bukhari)

**Perkara sunat solat malam**

1. Menyapu muka setelah bangun dari tidur, kemudian bersugi, seterusnya memandang ke arah langit dan membaca ayat 190 - 200 Surah al Imran.
2. Memulakan dengan solat dua rakaat yang ringkas.
3. Memberi salam selepas setiap dua rakaat
4. Memanjangkan solat lebih baik daripada membanyakkan rakaat
5. Membaca dengan bacaan nyaring jika tidak menyakitkan seseorang dengan bacaan nyaring tersebut dan tidak bimbng akan berlakunya riak.
6. Baringlah (tidur)  jika mengantuk menguasai diri ketika solat
7. Mengejutkan suami/isteri dan keluarga untuk melakukan solat Tahajjud

** معلومات تهمك

روى ابن عمر رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قال: أَحَبُّ الصَّلَاةِ إِلَى اللَّهِ تعالى صَلَاةُ دَاوُدَ كَانَ يَنَامُ نِصْفَ اللَّيْلِ وَيَقُومُ ثُلُثَهُ وَيَنَامُ سُدُسَهُ وَيَصُومُ يَوْمًا وَيُفْطِرُ يَوْمًا

(رواه البخاري)

**عدد ركعات صلاة التهجد**

أقل ركعات التهجد ركعتان ولا حد لأكثرها

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنه أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنْ صَلَاةِ اللَّيْلِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: صَلَاةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى فَإِذَا خَشِيَ أَحَدُكُمْ الصُّبْحَ صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً تُوتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى".

(رواه البخاري)

**سنن قيام الليل**

١. مسح الوجه بعد الاستيقظ من النوم، ثم التسوك، ثم نظر إلى السماء، ثم قراءة الآية الآتية:
إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ(١٩٠)
إلى آخر الآية ٢٠٠ سورة آل عمران.

٢. افتتاح بركعتين خفيفتين.

٣. التسليم بعد كل ركعتين

٤. تطويل القيام أفضل من تكثير الركعات

٥. الجهر بالقراءة إذا لم يتأذ أحد بجهره ولا يخاف به رياء

٦. الرقود إذا غلبة النعاس في الصلاة

٧. إيقاظ الزوج والأهل لإقامة صلاة التهجد

8. Membanyakkan doa dan memohon keampunan. Waktu yang paling baik adalah ketika sahur
9. Menutup solat Tahajjud dengan solat Witir

** Maklumat tambahan

Daripada Aisyah r.ha berkata: Rasulullah saw ketika baginda bangun di waktu malam untuk solat maka baginda memulakan dengan solat dua rakaat yang ringkas.

(hadis riwayat Muslim)

Dari Ummu Salamah rha, bahwa Nabi saw bangun pada suatu malam lalu baginda berkata: "Maha suci Allah , ujian apakah yang Allah turunkan malam ini dan simpanan apakah yang Dia bukakan bagi orang yang membangunkan wanita (isteri) yang sedang tidur di biliknya. Wahai kaum, banyak wanita-wanita yang berpakaian di dunia tetapi telanjang di akhirat".

(hadis riwayat Bukhari)

**Perbendaharaan kata**

(النعاس) perasaan letih sebelum tidur

(الأسحار) akhir malam sebelum subuh

**Hikmah solat tahajjud**

1. Mendekatkan diri kepada Allah swt dengan ibadat sunat.
2. Ianya adalah waktu yang paling baik untuk diperkenangkan doa
3. Menyucikan diri daripada penyakit hati
4. Ianya adalah penghapus dosa dan benteng daripada perkara keji

٨. الاكثار من الدعاء والاستغفار وأفضله عند الأسحار.

٩. ختم صلاة التهجد بصلاة الوتر

** المعلومات الإضافية

عن عائشة رضي الله عنها قالت: كان رسول الله ﷺ إذا قام من الليل ليصلي، افتتح الصلاة بركعتين خفيفتين.

رواه مسلم

(

أم سلمة رضي الله عنها أن النبي ﷺ استيقظ ليلة فقال: " سُبْحَانَ اللهِ مَاذَا أُنْزِلَ اللَّيْلَةَ مِنَ الْفِتْنِ، وَمَاذَا فُتِحَ مِنَ الْخَزَائِنِ، مَنْ يُوْقِظُ صَوَاحِبَ الْحُجُرَاتِ، يَا رُبَّ كَاسِيَةٍ فِي الدُّنْيَا عَارِيَةٍ فِي الْآخِرَةِ ". (رواه البخاري)

* معاني الكلمات

**النعاس**: الشعور بالفتور قبل النوم

**الأسحار**: أواخر الليل قبيل الفجر

**حكمة صلاة التهجد**

١. التقرب إلى الله بالنوافل.

٢. إنها من أفضل أوقات لاستجابة الدعاء

٣. تزكية النفس من الأمراض القلبية

٤. إنها مكفرة للذنوب وحصن من الفواحش

**Cara solat Tahajjud**

1. Bangun dan menyapu muka, bersugi, seterusnya memandang ke arah langit dan membaca ayat 190 - 200 Surah al Imran.
2. Membersihkan tubuh badan dan tempat solat
3. Mengadap Kiblat
4. Niat ketika takbiratul ihram: “Sahaja aku solat tahajjud dua rakaat kerana Allah Taala”.
5. Membaca doa iftitah, Surah al-Fatihah dan mana-mana ayat yang mudah daripada Al-Quran
6. Rukuk dan I’tidal
7. Dua kali sujud dan duduk di antara keduanya
8. Berdiri untuk rakaat kedua
9. Membaca Al-Fatihah dan mana-mana ayat yang mudah daripada Al-Qur'an
10. Rukuk dan I’tidal
11. Dua kali sujud dan duduk di antara keduanya
12. Tasyahhud akhir
13. Memberi salam pertama dan kedua

** **pelaksanaan amali solat Tahajjud**

1. Bangun dari tidur
2. Solat Tahajjud
3. Membaca Al-Quran
4. Berdoa

**كيفية صلاة التهجد**

١. استيقاظ ومسح الوجه وتسوك والنظر إلى السماء وقراءة الآية ١٩٠ – ٢٠٠ سورة آل عمران.

٢. طهارة البدن والمكان

٣. استقبال القبلة

٤. النية مع تكبيرة الاحرام : أصلي سنة التهجد ركعتين لله تعالى

٥. دعاء الافتتاح وقراءة سورة الفاتحة وما تيسر من القرآن

٦. الركوع والاعتدال

٧. السجدتان والجلوس بينهما

٨. القيام للركعة الثانية

٩. قراءة الفاتحة وما تيسر من القرآن

١٠. الركوع والاعتدال

١١. السجدتان والجلوس بينهما

١٢. التشهد الأخير

١٣. التسليمة الأولى والثانية

** **تطبيق علية صلاة التهجد**

١. استيقاظ من النوم

٢. صلاة التهجد

٣. قراءة القرآن

٤. الدعاء

Pelajaran 18

## SOLAT WITIR

### Definisi Solat Witir

Dari sudut **Bahasa**: Tunggal/ganjil atau bilangan yang tidak genap.
Dari sudut istilah **syarak**: Solat yang dilakukan di antara solat Isya' dan terbit fajar (solat subuh), dengan bilangan ganjil, sekurang-kurannya satu rakaat dan paling banyak sebelas rakaat.

### Dalil pensyariatan solat Witir

**Hadis** :

Rasulullah saw bersabda: Wahai ahli al-Qur'an (mereka yang membaca dan beramal dengan al-Qur'an), Hendaklah kamu mengerjakan solat Witir, sesungguhnya Allah itu ganjil dan mencintai yang ganjil.
(hadis riwayat Abu Daud)

Dari Abu Ayyub Al-Ansari r.a berkata : "Solat Witir adalah hak atas setiap Muslim. Barangsiapa yang ingin berwitir dengan lima raka'at, maka lakukanlah. Barangsiapa yang ingin berwitir dengan tiga raka'at, maka lakukanlah dan barangsiapa yang ingin berwitir dengan satu raka'at, maka lakukanlah."
(Hadis riwayat Abu Dawud)

### Hukum Solat Witir

Sunat muakkad

** info penting

Diriwayatkan dari 'Ali bin Abu Tolib berkata : Bukanlah witir itu kewajipan sebagaimana solat yang diwajibkan, (tetapi adalah ia satu sunnah yang disunnahkan oleh Rasulullah saw). (hadis riwayat Tirmizi)

الدرس الثامن عشر

## صلاة الوتر

### تعريف صلاة الوتر

**لغة** : الفرد أو مالم يتشفع من العدد.

**شرعا** : هي صلاة تقام بين صلاة العشاء وطلوع الفجر بالعدد الوتر أقله ركعة واحدة وأكثره إحدى عشرة ركعة.

### دليل مشروعية صلاة الوتر

**من السنة** :

قال رسول الله ﷺ "يا أهل القرآن! أوتروا فإن الله عز وجل وتر يحب الوتر".
(رواه أبو داود)

عن أبي أيوب الأنصاري ﷺ قال: قال رسول الله ﷺ : " الوتر حق على كل مسلم، فمن أحب أن يوتر بخمس فليفعل، فمن أحب أن يوتر بثلاث فليفعل، ومن أحب أن يوتر بواحدة فليفعل. (رواه أبو داود)

### حكم صلاة الوتر

سنة مؤكدة

** المعلومات تهمك

لما روي عن علي ﷺ قال: إن الوتر ليس بحتم كصلاتكم المكتوبة". (رواه الترمذي)

**Waktu Solat Witir**

Waktunya adalah selepas solat Isya' sehingga terbit fajar (subuh), maka tidak sah sebelum solat Isya'.

Disunatkan menjadikan solat Witir di akhir solat tahajjud sekiranya seseorang itu solat tahajjud, jika tidak melakukan solat tahajjud maka hendaklah dia lakukannya selepas solat isya'.

Jabir r.a meriwayatkan bahawa nabi saw: "Barangsiapa di antara kamu yang bimbang tidak bangun pada akhir malam, maka hendaklah dia solat witir pada awal malam kemudian tidur. Barangsiapa di antara kalian yang ingin bangun pada akhir malam, hendaklah dia solat witir pada akhir malam. Kerana solat pada akhir malam menjadi saksi dan ianya paling baik "

(hadis riwayat Muslim)

** info penting

Apabila seseorang solat jamak isya' dan Maghrib (jamak takdim), maka dia boleh solat witir walaupun tidak masuk lagi waktu isya'. Seseorang yang solat witir di awal malam, kemudian melakukan ibadat sunat selepas itu maka tidak perlu dia mengulangi solat witir, kerana tidak boleh melakukan dua solat witir dalam satu malam.

**Bilangan rakaat solat Witir**

Solat witir yang paling ringkas adalah satu rakaat. Solat witir yang sempurna paling sedikit adalah tiga rakaat dan paling banyak adalah sebelas rakaat.

Ibnu Umar dan Ibnu Abbas r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda: "Solat Witir itu satu rakaat di akhir malam"

Daripada Aisyah: "Rasulullah saw tidak menambah bilangan rakaat solat witir sama ada di bulan Ramadan atau lainnya lebih daripada sebelas rakaat"

(Hadis riwayat Bukhari).

**وقت صلاة الوتر**

هو ما بعد صلاة العشاء حتى طلوع الفجر فلا يصح قبل العشاء.

ويسن جعل صلاة الوتر آخر صلاة التهجد إن كان له التهجد، وإن لم يكن له التهجد فيصليها بعد العشاء.

روى جابر ﷺ أن النبي ﷺ قال: "من خاف منكم أن لا يستيقظ آخر الليل، فليوتر من أوله وليرقد ومن طمع أن يقوم آخره فليوتر آخر الليل. فان الصلاة آخر الليل مشهودة وذلك أفضل

** المعلومات تهمك

وإذا جمع العشاء مع المغرب جمع تقديم كان له أن يوتر وإن لم يدخل وقت العشاء، ومن أوتر أول الليل ثم تنفل فلا يعيد الوتر إذ لا وتران في ليلة واحدة.

**عدد ركعات صلاة الوتر**

أقل الوتر ركعة واحدة. وأدنى الكمال ثلاث ركعات وأكثره إحدى عشرة.

روى ابن عمر وابن عباس ﷺ أن رسول الله ﷺ قال: "الوتر ركعة من آخر الليل" وعن عائشة ﷺ "ما كان رسول الله ﷺ يزيد في رمضان ولا غيره على إحدى عشرة ركعة"

(رواه البخاري)

**Cara Solat Witir**

Cara melakukan solat Witir terdapat dua cara:

**Cara fasl (solat witir - tiga rakaat - dengan dua salam)**

1. Melakukan solat muqadimah witir dua rakaat. Lafaz niatnya: “Sahaja aku solat sunat witir dua rakaat kerana Allah Taala”.

2. Kemudian selepas memberi salam dilakukan solat witir satu rakaat. Lafaz niatnya “Sahaja aku solat sunat witir satu rakaat kerana Allah Taala”.

**Cara Wasl (solat witir - tiga rakaat - dengan satu salam)**

1. Melakukan solat witir tiga rakaat dengan satu salam. Lafaz niatnya: “Sahaja aku solat sunat witir tiga rakaat kerana Allah Taala”.

2. Tidak duduk untuk tasyahhud pertama pada rakaat kedua.

** info penting

- Disunatkan menunaikan solat witir secara sendirian kecuali pada bulan Ramadaan, kerana solat secara berjemaah padanya adalah sunat.
- Menunaikan solat witir secara ***fasl*** adalah lebih baik daripada menunaikannya secara ***wasl***.
- Sunat membaca doa Qunut di rakaat terakhir pada separuh kedua bulan Ramadan.
- Sunat membaca doa selepas solat witir dengan doa yang ma’thur.

** info tambahan

**Doa solat witir yang ma’thur**
Maha suci tuhan yang mulia (3 kali)
*“Ya Allah, aku berlindung dengan redha-Mu daripada kemarahan-Mu, aku berlindung dengan kesejahteraan-Mu daripada hukuman-Mu dan aku berlindung dengan-Mu daripada tindakan-Mu, tiada daya aku ini untuk menghitung pujian kepada-Mu, Engkau itu wahai Allah sepertimana yang Engkau puji diri-Mu”.*



**كيفية صلاة الوتر**

كيفية صلاة الوتر نوعان

**كيفية الفصل**

١. أن يصلي مقدمة الوتر ركعتين، ونيتها: أصلي سنة الوتر ركعتين لله تعالى

٢. ثم بعد السلام يصلي الوتر ركعة واحدة، ونيتها: أصلي سنة الوتر ركعة لله تعالى

**كيفية الوصل**

١. أن يصلي ثلاث ركعات بتسليمة واحدة، ونيتها: أصلي سنة الوتر ثلاث ركعات لله تعالى

٢. ولا يجلس للتشهد الأول في الركعة الثانية.

** المعلومات تهمك

- يسن أداء الوتر منفردا إلا في رمضان، فإن الجماعة فيه سنة.
- أداء الوتر فصلا أفضل من أدائه وصلا.
- يسن القنوت في الركعة الأخيرة في النصف الثاني من رمضان.
- يسن الدعاء بعد الوتر بالمأثور.

** المعلومات الإضافية

**دعاء الوتر المأثور**

سبحان الملك القدس (ثلاث مرات): اللهم أعوذ برضاك من سخطك و بمعافاتك من عقوبتك ، وأعوذ بك منك لا أحصي ثناء عليك ، كما أثنيت على نفسك

**Hikmah solat Witir**

- Mencontohi Nabi dan orang-orang soleh.
- Sebagai tanda/manifestasi pengabdian kepada Allah swt
- Mengagungkan dan menyucikan Allah swt. Sesungguhnya Allah itu ganjil dan mencintai yang ganjil
- Mendekatkan diri kepada Allah swt

**Perbendaharaan kata**

| | |
|---|---|
| (التأسي) | meneladani/mencontohi |
| (سخط) | kemurkaan |
| (ثناء) | pujian |
| (تقديس) | Penyucian |
| (الوتر) | tunggal/ganjil |

**Pelaksaan amali solat Witir satu rakaat**

i. Takbiratul ihram beserta niat. Lafaz niatnya: "Sahaja aku solat sunat witir satu rakaat kerana Allah Taala".
ii. Membaca Doa iftitah, kemudian Surah Al-Fatihah, al ikhlas, al Falak dan an Nas
iii. Rukuk dan iktidal
iv. Sujud dua kali dan duduk di antara dua sujud
v. Membaca Tasyahud akhir, kemudian memberi salam pertama dan kedua

**Pelaksaan amali solat Witr tiga rakaat dengan satu salam** (bentuk ***wasl***)

i. Takbiratul ihram beserta niat. Lafaz niatnya: "Sahaja aku solat sunat witir tiga rakaat kerana Allah Taala".
ii. Membaca Doa iftitah, kemudian Surah Al-Fatihah dan surah al A'la
iii. Rukuk dan iktidal kemudian sujud dua kali dan duduk di antara dua sujud



**حكمة من صلاة الوتر**

- التأسي بالنبي والصالحين.
- من مظاهر التعبد إلى الله
- تعظيم وتقديس لله، فإن الله وتر يحب الوتر.
- التقرّب إلى الله

**معاني الكلمات**

| | |
|---|---|
| **التأسي** : الاقتداء | **سخط** : غضب |
| **ثناء** : المدح | **تقديس** : تطهير |
| **الوتر** : الفرد | |

**تطبيق عملية صلاة الوتر ركعة واحدة**

أ. تكبيرة الإحرام مع النية ولفظها : أصلي سنة الوتر ركعة لله تعالى
ب. الافتتاح ثم سورة الفاتحة والإخلاص والفلق والناس
ج. الركوع والاعتدال
د. السجدتان والجلوس بينهما
هـ التشهد الأخير ثم التسليمة الأولى والثانية

**تطبيق عملية صلاة الوتر ثلاث ركعات بتسليمة واحدة (الوصل)**

١. تكبيرة الإحرام مع النية ولفظها : أصلي سنة الوتر ثلاث ركعات لله تعالى
٢. الافتتاح ثم سورة الفاتحة والأعلى
٣. الركوع والاعتدال ثم السجدتان والجلوس بينهما

iv. Berdiri untuk rakaat kedua
v. Membaca surah al Fatihah dan al Kafirun
vi. Rukuk dan iktidal kemudian sujud dua kali dan duduk di antara dua sujud
vii. Berdiri untuk rakaat ketiga
viii. Membaca Surah Al-Fatihah, al ikhlas, al Falak dan an Nas
ix. Rukuk dan iktidal kemudian sujud dua kali dan duduk di antara dua sujud
x. Membaca Tasyahud akhir, kemudian memberi salam pertama dan kedua

** info penting

Bacaan surah selepas al Fatihah:

1. Rakaat pertama : surah al A’la
2. Rakaat kedua : surah al kafirun
3. Rakaat ketiga : surah al ikhlas dan muawwizatain (al falaq dan an Nas)

٤. القيام إلى الركعة الثانية
٥. قراءة سورة الفاتحة والكافرون
٦. الركوع والاعتدال ثم السجدتان والجلوس بينهما
٧. القيام إلى الركعة الثالثة
٨. قراءة سورة الفاتحة والإخلاص والفلق والناس
٩. الركوع والاعتدال ثم السجدتان والجلوس بينهما
١٠. التشهد الأخير ثم التسليمة الأولى والثانية

** معلومات تهمك

قراءة السورة بعد الفاتحة :

١. الركعة الأولى : سورة الأعلى
٢. الركعة الثانية : سورة الكافرون
٣. الركعة الثالثة : سورة الإخلاص والمعوذتين.